KONSEP KEADILAN ALLAH

DALAM ISLAM

Oleh:

Sayyid Sa'id Akhtar Rizvi

Edisi Terjemahan

KOLEKSI PEMIKIRAN ISLAM

BAHAGIAN PERTAMA

BAHAGIAN KEDUA

BAHAGIAN KETIGA

BAHAGIAN KEEMPAT

KONSEP KEADILAN ALLAH DALAM ISLAM

BISMI-LLAH AL-RAHMAN AL-RAHIM

(1) PENGERTIAN *AL- 'ADL* (KEADILAN)

Perkataan *'Adl* (العدل) pada asalnya dicipta untuk membawa maksud menjadikan dua benda itu sama dan pengagihan secara saksama. Samalah juga dalam perkara *Ansaf* yang membawa pengertian dari segi bahasanya sebagai persamaan atau keadilan, dan sebagai hasilnya, *'Adl* (العدل) merujuk kepada keadilan, persamaan, berada di jalan yang lurus, ke arah kebenaran, berada di tahap yang betul, tidak berkurang atau berlebih dan juga meletakkan sesuatu kena pada tempatnya.

Perkataan lawannya ialah *Jaur* (الجور) dan *Zulm* (الظلم) *Jaur* bererti cenderung kepada sebelah pihak, yang akhirnya membawa pengertian tidak memihak kepada keadilan, menyebelahi sesuatu pihak. Perkataan *Zulm* pula bererti meletakkan sesuatu tidak kena pada tempatnya. Seseorang hakim (Qadi) yang zalim membuat keputusan atau hukuman yang salah dengan tidak memberikan pihak yang tertindas akan haknya, dan dia dikatakan sebagai zalim.

'Adl merupakan salah satu sifat yang amat penting bagi Allah, berdasarkan akidah Syi`ah Imamiyyah Ithna-'Asyariah. Dalam hal yang berkait dengan kewujudan dan keesaan Allah, ia adalah tergolong dalam rukun agama

yang pertama iaitu *al-Tawhid* (التوحيد) dan telah pun dijelaskan dalam kitab terdahulu.

Namun begitu, perbuatan-perbuatan Allah pula tergolong dalam rukun kedua ini, iaitu *'Adl* (keadilan). Oleh kerana pelbagai perbezaan di kalangan umat Islam mengenai *'Adl Allah* (keadilan Allah) begitu luas dan berbagai-bagai, sudah pastilah bab-bab berikut ini perlu dikaji dengan lebih teliti.

Ingatlah bahawa setiap istilah atau rangkaikata dalam bab-bab ini mempunyai kepentingannya, dan sekiranya seseorang pelajar cuba mengubah sebarang istilah atau rangkaikata itu, tentulah dia akan meletakkan dirinya dalam kecelaruan pemikiran.

(2) KEBAIKAN DAN KEBURUKAN?

Perbezaan yang paling utama ialah kepercayaan mazhab Sunni yang mempercayai bahawa tidak ada kebaikan atau keburukan pada sesuatu, dan apa yang Allah perintahkan kita supaya melakukannya adalah baik manakala apa yang ditegah-Nya adalah buruk.

Di satu pihak, Syi'ah Imamiyyah Ithna-'Asyariah percaya bahawa tanpa memandang kepada perintah-perintah agama, sememangnya terdapat kebaikan dan keburukan dalam pelbagai bentuk perbuatan, dan kerana perkara itu baik, maka Allah memerintahkan kita melakukannya, dan kerana sesuatu perkara itu buruk, maka Allah menegah kita daripada melakukannya.

(3) PERBUATAN-PERBUATAN ALLAH

Allah tidak boleh melakukan keburukan atau kejahatan. Saya tidak menggunakan rangkaikata ini

dengan maksud “ raja tidak melakukan kesalahan.” Ini kerana “ raja tidak melakukan kesalahan ” sebenarnya bererti bahawa dia tidak berbuat sesuatu apa pun, dia hanya menandatangani apa yang telah diluluskan oleh Parlimen. Oleh itu, penghormatan tersebut adalah berdasarkan kepada “perbuatan yang masih berlaku.”

Bagaimanapun, “ Allah tidak melakukan kesalahan ” membawa pengertian bahawa Dia Maha Esa dan Maha Kuasa, tetapi Allah tidak boleh melakukan kesalahan. Barangsiapa yang melakukan kesalahan atau kezaliman, dia melakukannya sama ada kerana dia tidak mengetahui perbuatan itu adalah salah (tetapi Allah Maha Mengetahui tentang segala sesuatu), atau kerana dia memerlukan sesuatu yang tidak boleh diperolehi kecuali dengan kejahatan (sedangkan Allah tidak mempunyai keinginan) ataupun kerana dia dipaksa oleh orang lain supaya melakukan kesalahan (namun begitu Allah Maha Kuasa dan tiada seorang pun boleh memaksa-Nya berbuat sesuatu). Oleh itu, secara rasionalnya adalah mustahil sama sekali bagi Allah melakukan sebarang kezaliman atau kesalahan.

(4) TIADA SESUATU TANPA TUJUAN

Tuhan tidak pernah melakukan perkara sia-sia iaitu tanpa tujuan. Semua perbuatan-Nya adalah berasaskan hikmah dan kebijaksanaan-Nya, walaupun kita tidak mengetahuinya.

Di satu pihak, Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah mengatakan bahawa tidak ada salahnya melakukan sesuatu yang sia-sia dan sekiranya Tuhan melakukan sesuatu tanpa tujuan, hakikat bahawa Tuhan melakukannya itu dapat menjadikan perbuatan tersebut baik.

(5) BOLEHKAH KITA MENGETAHUI SEMUA ALASAN?

Seperti yang telah saya sebutkan, Tuhan tidak melakukan sesuatu tanpa tujuan atau alasan. Tentunya ada alasan bagi setiap sesuatu yang diciptakan oleh Tuhan, tetapi tidaklah wajib bagi kita mengetahui semua alasan tersebut.

Kami mengatakan bahawa setiap perbuatan Allah sedemikian rupa hinggakan jika kita dibolehkan mengetahui alasannya, kita tentu sekali mengakui bahawa ia adalah sesuatu yang memang patut kita lakukan. Kita sering merasa terganggu dengan sesetengah kejadian atau masalah kerana kita tidak tahu tujuan sebenar di sebaliknya. Gambaran itu dapatlah ditemui dalam al-Qur'an ketika pertemuan di antara Nabi Musa ('a.s) dengan seorang (yang mempunyai banyak keilmuan berbanding dengan Nabi Musa ('a.s). Orang alim itu telah membenarkan Nabi Musa ('a.s) mengikutinya dengan syarat bahawa " tidak boleh bertanya kepadaku mengenai apa yang aku tahu, sehinggalah aku sendiri memberitahunya kepadamu."

Berikut ini adalah keseluruhan cerita itu:1

Lalu mereka meneruskan perjalanan dengan kapal. Ketika mereka berada di dalam kapal, dia (orang alim) melubangkan kapal tersebut. Musa membantahnya lalu kemudian dia diperingatkan akan janjinya. Kemudian, orang alim itu membunuh seorang kanak-kanak. Untuk itu, Musa tidak dapat menahan dirinya lalu mencelanya dengan bahasa yang keras. Sekali lagi, dia diperingatkan akan janjinya agar tidak bertanya.

1Al-Qur'an, surah al-Kahfi (18): 69.

Seterusnya mereka sampai ke sebuah kota di mana mereka tidak diberikan makanan. Di situ, mereka menemui dinding yang runtuh lalu orang alim itu membaikinya. Musa berkata, “ kalau engkau ingin, tentulah engkau boleh mendapat bayaran untuknya.”

Dengan hujah yang ketiga ini, orang alim itu memberitahu Musa: “ Inilah perpisahan antara engkau dan aku.” Lalu sebelum berpisah, dia menerangkan alasan-alasan terhadap perbuatannya itu.

“ Berhubung dengan kapal itu, ia adalah milik orang-orang miskin yang bekerja di sungai dan aku merosakkannya kerana ada seorang raja di belakang mereka yang merampas setiap kapal yang baik.”

“ Berkenaan dengan kanak-kanak itu, ibu bapanya terdiri daripada orang-orang yang salih dan kami khuatir dia akan menindas kedua-duanya dengan memberontak dan mengingkarinya, dan kami ingin agar Tuhan menggantikannya untuk mereka dengan seorang anak yang lebih baik dan salih.”

“ Mengenai tembok dinding itu, ia adalah milik dua orang anak yatim di kota itu, dan di situ terdapat harta milik mereka, dan bapa mereka adalah seorang yang salih dan Tuhanmu menghendaki agar apabila mereka besar nanti, mereka dapat mengambil harta itu sebagai suatu rahmat daripada Tuhan mereka dan tidaklah aku melakukannya dengan kehendakku sendiri.”

Saya harap contoh ini sudah memadai untuk menjelaskan pandangan kami tentang perbuatan-perbuatan Allah.

Para ulama pernah berkata:

" Setiap sesuatu yang ditetapkan oleh akal adalah ditetapkan oleh syarak dan setiap sesuatu yang ditetapkan oleh syarak ditetapkan oleh akal."

Orang awam sering sahaja menyalahtanggapi kata-kata ini. Mereka berfikir bahawa setiap sesuatu yang kita tetapkan sebagai baik, mestilah dihukumkan oleh syariat sebagai baik juga, padahal ia bukanlah seperti itu. Maksud kata-kata tersebut adalah seandainya kita boleh mengetahui alasan di sebalik sesuatu hukum syariat, akal kita pasti akan mengakui bahawa hukum itu sepatutnya demikian, dan kesemua hukuman syariat itu adalah berdasarkan kepada hikmah.

(6) KETERPAKSAAN ATAU KEBEBASAN?

Kini sampailah kita kepada perbezaan pokok yang paling utama yang wujud di kalangan madhhab-madhhab Islam. Persoalan itu adalah mengenai manusia, sama ada terpaksa ataupun bebas dalam melakukan perbuatan mereka.

Terdapat empat kumpulan:

1) Al-Mu'tazilah mengatakan bahawa manusia mempunyai kebebasan mutlak untuk berbuat apa saja yang diingininya, dan Allah tidak berkuasa ke atas perbuatannya. Kumpulan ini juga dikenali sebagai al-Qadariyyah.

2) Al-Mujbirah mengatakan bahawa manusia tidak berkuasa ke atas perbuatannya. Dia diibaratkan seperti alat dalam kekuasaan Allah seperti pena di tangan kita.

3) Al-Asya'irah pula mengatakan bahawa manusia tidak mempunyai kuasa atau kehendak sendiri dalam perbuatannya, tetapi dia masih " menguasai " perbuatan

itu. Istilah yang digunakan oleh mereka ialah *kasb***.** Sebenarnya apa yang mereka maksudkan merupakan sesuatu yang mengusutkan pemikiran mereka sendiri.

4) Al-Syi‘ah mengatakan bahawa manusia tidak bebas sepenuhnya daripada Allah, dan tidak juga dipaksa oleh Allah, tetapi kedudukan sebenarnya adalah di antara kedua-dua keadaan ini.

Dapatlah dilihat bahawa pendapat-pendapat al-Mujbirah, al-Mu‘tazilah dan al-Syi‘ah adalah lebih mudah difahami pegangan mereka, tetapi pendapat al-Asya‘irah tentang *kasb* tidak mudah difahami, sama seperti kepercayaan orang-orang kristian tentang Triniti (3 dalam 1 Tuhan). Jelaslah bahawa mereka menggunakan istilah ini hanyalah sebagai perisai untuk menyembunyikan kepercayaan sebenar mereka yang secara keseluruhannya menyamai al-Mujbirah. Oleh yang demikian, saya akan menganggapkan kedua-dua kumpulan ini sebagai satu kumpulan.

Pada zaman moden ini, orang-orang Ahl al-Sunnah semuanya adalah bermazhab al-Asya‘irah dan oleh kerana topik perbincangan adalah amat penting, saya bercadang membicarakannya dengan lebih terperinci.

(7) KEPERCAYAAN AHL AL-SUNNAH

Pendirian Ahl al-Sunnah dalam perkara ini adalah seperti berikut:

“ Tidak ada perbuatan manusia walaupun ia dilakukan semata-mata untuk dirinya, bebas daripada kehendak Allah kerana kewujudannya, dan tidak berlaku sama ada dalam dunia kebendaan ataupun kerohanian, perbuatan mengerdipkan mata dan berfikir melainkan semuanya dengan keizinan, kuasa, kehendak dan

kemahuan Allah. Ini termasuklah buruk dan baik, untung dan rugi, jaya dan gagal, salah dan benar, taat dan ingkar serta syirik dan kufur." (Al-Ghazali).

Patut juga dinyatakan di sini, kepercayaan ini diciptakan oleh Bani Umaiyyah dan semasa di bawah pengaruh kekuasaannya, bertujuan menjadi perisai untuk melindungi segala kekejaman dan kezaliman mereka. Begitulah pendapat tokoh ulamak Sunni yang terkenal, al-'Allamah Syibli al-Nu'mani (dari India) yang telah mengakui hakikat tersebut dalam kitabnya *al-Kalam*.

" Biarpun semua faktor yang wujud menyebabkan perbezaan dalam kepercayaan, namun perbezaan politik memainkan peranan penting pemerintahan Bani Umaiyyah adalah penuh dengan kekejaman dan pertumpahan darah, dan timbul di kalangan orang awam suatu semangat untuk menentangnya, tetapi bagi golongan yang meredai kerajaan tersebut sering kali melemahkan orang ramai dengan kata-kata bahawa " setiap sesuatu yang berlaku adalah dengan kehendak Allah, dan justeru itu orang ramai tidak boleh membangkang sama sekali. Segalanya sudah ditetapkan, dan apa sahaja yang berlaku, sama ada baik atau buruk adalah dengan kehendak Allah dan kita perlu mengakuinya."[2]

Saya berpendapat penjelasan ini sudah memadai untuk mengenepikan kepercayaan tersebut.

(8) KEPERCAYAAN SYI'AH

Di satu pihak Syi'ah Imamiyyah Ithna-'Asyariah percaya bahawa kita sendiri dapat membezakan di antara " perbuatan terjatuh dari atas bumbung " dengan " perbuatan

---

[2] 'Allamah Syibli al-Nu'mani, *al-Kalam*, Bhg. I, h.17.

turun ke bawah dengan menggunakan tangga ". Perbuatan yang kedua itu dilakukan dengan kemampuan, kehendak dan keinginan kita, sementara perbuatan terjatuh ke bawah adalah sebaliknya.

Kita juga tahu bahawa perbuatan-perbuatan kita bukanlah seperti perbuatan terjatuh ke bawah dari atas bumbung, bahkan ia adalah seperti perbuatan turun dengan kuasa dan kemampuan kita sendiri. Oleh itu, ia adalah perbuatan kita sendiri dan tidak harus dikatakan bahawa ia daripada Allah.

Sekali lagi, kita lihat bahawa terdapat sesetengah perbuatan yang menyebabkan kita dipuji atau dikeji, sedangkan dalam perbuatan-perbuatan yang lain, kita tidak pula dipuji mahupun dicela. Ia dengan jelas menunjukkan bahawa perbuatan yang pertama tadi adalah di dalam kuasa dan kemahuan kita manakala perbuatan yang kedua adalah di luar daripada kuasa dan kemahuan kita.

Sebagai contoh, kita dinasihati merawat kesakitan dengan cara begini atau begitu, tetapi kita tidak boleh dinasihati menyembuhkan kesakitan itu. Ini bererti mendapatkan rawatan adalah dalam kekuasaan kita, sedangkan mendapatkan kesembuhan bukanlah dalam kekuasaan kita.

Oleh itu, kita bolehlah mengatakan ada banyak perkara dan aspek kehidupan yang berada dalam kuasa dan kemampuan kita, sedangkan yang lain tidak pula dalam kuasa dan kemampuan kita. Perkara-perkara yang kita boleh diberikan nasihat, dipuji mahupun dicela adalah dalam bidang kuasa dan kemampuan kita.

Perintah-perintah agama berada dalam kumpulan ini kerana kita dinasihatkan atau diperintahkan supaya melakukan perkara ini dan tidak melakukan perkara itu,

dan juga kerana kita dipuji apabila kita mentaati perintah-perintah tersebut dan dicela apabila kita mengingkarinya. Oleh yang demikian, adalah salah sama sekali mengatakan kesalahan dan kebenaran, ketaatan dan keingkaran, kepercayaan yang benar dan yang palsu adalah berdasarkan perintah, kehendak dan kemahuan Allah.

Kitab-kitab akidah kami mengatakan:

" Allah memiliki segala pengetahuan tentang perbuatan manusia, tetapi Allah tidak memaksa mereka melakukan sesuatu mengikut keadaan-keadaan tertentu."

Namun ia bukanlah bererti bahawa manusia bebas daripada Allah. Pada hakikatnya, kuasa dan kehendak untuk berbuat sesuatu menurut apa yang kita kehendaki adalah dikurniakan oleh Allah. Lantaran itu, al-Imam Ja'far al-Sadiq ('a.s) mengatakan:

" Tidak ada paksaan (oleh Allah), tidak ada kuasa mutlak (yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia), tetapi kedudukan sebenarnya adalah di antara kedua-dua keadaan ini."

(9) KEDUDUKAN KETIKA KITA BEBAS

Di manakah bermulanya kemampuan kita untuk melakukan sesuatu? Al-Imam Musa al-Kazim ('a.s) mengatakan: " Seseorang manusia memperolehi kemampuan apabila empat (4) syarat dipenuhi:

1) ketika tiada sesuatu halangan menegahnya,
2) sihat,
3) kekuatan (yang diperlukan untuk tugas itu) mencukupi,
4) Tuhan memberikan keadaan untuknya melakukan tugas itu.

Apabila semua syarat tersebut dipenuhi, seseorang manusia boleh melakukannya menurut kehendaknya sendiri." Ketika ditanya tentang suatu contoh, beliau berkata: " Marilah kita andaikan bahawa ada seorang lelaki yang tidak menemui sebarang halangan, sihat dan kuat, namun dia masih tidak boleh melakukan perbuatan zina melainkan setelah dia menemui seorang wanita. Apabila (syarat yang keempat dipenuhi) dan dia menemui seorang wanita, kemudian terpulanglah kepadanya untuk menentukan satu daripada dua pilihan, sama ada dia cuba mengawal nafsu jahatnya dan menyelamatkan dirinya seperti yang dilakukan oleh Nabi Yusuf (a.s) ataupun dia melakukan zina. Seandainya dia mengawal dirinya daripada perbuatan dosa itu, hal tersebut bukanlah akibat paksaan oleh Allah (seperti yang difikirkan oleh sesetengah orang), dan seandainya dia melakukan dosa, hal tersebut juga bukanlah bererti bahawa dia mengatasi kuasa Allah (seperti yang sesetengah orang fikirkan)."3

(10) QADA' DAN QIYAMAT

Menurut pendapat kami, seandainya seseorang itu percaya kepada Qada', pada masa yang sama dia tidak boleh percaya kepada Hari Qiyamat. Sekiranya Allah telah pun menetapkan setiap perbuatan yang kita hendak lakukan, kenapakah Dia (Allah) harus mengenakan hukuman ke atas kita akibat melakukan perbuatan-perbuatan dosa, kejahatan dan perbuatan yang menyalahi (perintah-Nya) kerana syirik, kufur dan kejahatan yang Dia sendiri telah menetapkannya ke atas kita. Itu tentunya tidak adil sama sekali.

Di sini dikemukakan perbahasan antara al-Imam Musa al-Kazim ('a.s) pada masa kanak-kanaknya dengan

[3] Al-Kulayni, *al-Kafi*, I, h.225.

Abu Hanifah, pengasas mazhab fiqh Hanafi daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah:

Suatu ketika Abu Hanifah keluar untuk menemui al-Imam Ja‘far al-Sadiq (‘a.s). Imam berada di dalam rumah, manakala Abu Hanifah sedang menunggunya keluar. Sejurus kemudian, seorang kanak-kanak keluar lalu Abu Hanifah pun bertanya kepadanya: “ Wahai anak, daripada siapakah sebenarnya perbuatan seseorang manusia? Kanak-kanak itu lalu berkata: “ Wahai Abu Hanifah, hanya ada tiga (3) kemungkinan; sama ada manusia itu sendiri yang menjadi pelaku kepada perbuatannya, atau Tuhan sebagai pelaku kepada perbuatan itu; ataupun kedua-duanya sekali menjadi pelaku kepada perbuatan tersebut. Sekiranya Allah dikatakan sebagai pelaku kepada perbuatan seseorang manusia, kenapakah Dia (Allah) mengenakan hukuman ke atas manusia di atas perbuatan dosa itu? Bukankah itu suatu kezaliman, sedangkan Allah (s.w.t) telah berfirman:

“ Sesungguhnya Allah tidak menzalimi hamba-hamba-Nya.” (Al-Qur’an).

Seandainya, kedua-dua mereka, iaitu Allah dan manusia bersekutu dalam perbuatan dosa, tentunya tidak adil sekiranya rakan sekutu yang lebih berkuasa (Tuhan) menghukum rakan sekutunya yang lemah (manusia) di atas perbuatan yang mereka berdua lakukan bersama-sama; dan oleh kerana terbukti bahawa kedua-dua pilihan tersebut tidak dapat diterima oleh akal dan mustahil, maka pilihan ketiga terbukti benar iaitu manusia sendiri yang melakukan perbuatannya dengan kuasa dan kehendaknya sendiri.”

Abu Hanifah lalu mencium dahi kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak itu ialah Musa, yang kemudiannya

dikenali sebagai al-Kazim, Imam ketujuh dalam mazhab Syi‘ah.

(11) ABU HANIFAH DAN BEHLUL

Abu Hanifah percaya manusia tidak melakukan perbuatan menurut kuasa dan kehendaknya. Biarpun telah disebutkan tadi mengenai perbualannya dengan al-Imam Musa al-Kazim (‘a.s) yang jelas menepati logik akal, dia masih tidak mahu mengubah kepercayaannya. Pada suatu ketika, pendapatnya itu telah menyebabkan berlakunya suatu tragedi.

Behlul bermaksud pintar dan pemimpin. Ia adalah nama kepada seorang sahabat al-Imam Ja‘far al-Sadiq (‘a.s) yang terkenal yang hidup sehingga zaman al-Imam ‘Ali al-Naqi (‘a.s) dan sempat melihat al-Imam Hasan al-‘Askari (‘a.s).

Berdasarkan perubahan nasib, biasanya beliau dirujukkan sebagai *Behlul Majnun* (Behlul yang gila). Ini kerana beliau berpura-pura menjadi gila untuk menyelamatkan nyawanya dari tugas-tugas penghakiman yang ditawarkan kepadanya oleh Khalifah Harun al-Rasyid.

Namun begitu dengan “ kepintarannya ” itu, dia mengambil kesempatan daripada perangai kegila-gilaannya dengan selalu menentang tokoh-tokoh besar pada zamannya (termasuklah raja-raja) menerusi kelemahan-kelemahan mereka sendiri.

Pada suatu ketika, dia terdengar Abu Hanifah (yang tinggal di Kufah, Iraq) memberitahu para pengikutnya: “ Saya mendengar tiga (3) perkara daripada al-Imam Ja‘far al-Sadiq (‘a.s) yang menurut pendapat saya adalah salah. Para pengikutnya itu lalu bertanya mengenai perkara-perkara tersebut. Abu Hanifah pun berkata:

" Pertama sekali, al-Imam Ja'far al-Sadiq ('a.s) mengatakan Allah (s.w.t) tidak boleh dilihat. Tetapi itu tidak benar. Seandainya sesuatu itu wujud, ia mestilah boleh dilihat."

" Kedua, beliau mengatakan syaitan akan disiksa dalam api neraka, tetapi hal itu mustahil berlaku kerana syaitan dijadikan daripada api. Bagaimanakah api boleh memudaratkan sesuatu atau seseorang yang juga dijadikan daripada api?"

" Ketiga, beliau mengatakan perbuatan manusia dilakukan dengan kehendak dan kekuasaannya, dan manusia bertanggungjawab ke atasnya. Tetapi perkara itu tidak tepat kerana semua perbuatan manusia dilakukan dengan kehendak dan kekuasaan Allah, dan Allah yang sebenarnya bertanggungjawab ke atas perbuatan tersebut."

Pada ketika para pengikutnya baru hendak memujinya, Behlul mengambil segumpal tanah dan melontarkannya tepat ke arah Abu Hanifah. Gumpalan tanah itu tepat mengenai dahinya, lantas dia menjerit kesakitan. Para pengikutnya menangkap Behlul lalu Abu Hanifah membawanya menemui Qadi.

Qadi mendengar aduan itu dan bertanyakan kepada Behlul sama ada tuduhan tersebut benar atau sebaliknya.

Behlul: " Wahai Qadi! Abu Hanifah mengatakan dia mengalami sakit yang kuat di kepalanya kerana terkena lontaran gumpalan tanah. Tetapi saya berpendapat, dia berdusta. Saya tidak percaya kepadanya sehinggalah saya melihat " sakit " itu sendiri."

Abu Hanifah: “ Kamu benar-benar gila. Bagaimanakah aku dapat menunjukkan “ sakit ” kepadamu? Adakah sesiapa yang pernah melihat “ sakit ”?”

Behlul: “ Tetapi wahai Qadi! Tadi dia baru sahaja mengajarkan para pengikutnya, seandainya sesuatu itu memang wujud, ia mestilah boleh dilihat. Oleh kerana dia tidak boleh memperlihatkan “sakit” itu, saya anggap berdasarkan kepercayaannya sendiri, dia tidak sakit sama sekali.”

Abu Hanifah: “ Oh, sakitnya kepalaku!”

Behlul: “ Wahai Qadi, ada satu perkara lagi yang saya teringat. Dia juga memberitahu para pengikutnya oleh kerana syaitan dijadikan daripada api, maka api neraka tidak boleh memudaratkannya. Sekarang, manusia dijadikan daripada tanah seperti yang dinyatakan oleh al-Qur’an, sedangkan gumpalan tanah jugalah yang mengenainya. Saya hairan bagaimana dia boleh mendakwa gumpalan tanah itu boleh memudaratkan manusia yang juga dijadikan daripada gumpalan tanah?”

Abu Hanifah: “ Wahai Qadi, Behlul ingin melepaskan dirinya dengan omong-omongnya itu. Tolonglah balaskan dendamku kepadanya.”

Behlul: “ Wahai Qadi, saya fikir Abu Hanifah ternyata salah membawa saya ke mahkamah ini. Dia baru saja memberitahu segala perbuatan manusia adalah dilakukan oleh Allah dan Allahlah yang bertanggungjawab ke atas perbuatan-perbuatan mereka. Sekarang, kenapakah dia membawa saya ke sini? Seandainya dia benar-benar sakit akibat terkena gumpalan tanah itu (yang saya sendiri cukup meraguinya berdasarkan hujah-hujah yang telah dijelaskan), dia sepatutnya mendakwa Allahlah yang mencederakannya dengan melontar gumpalan tanah itu.

Kenapakah manusia yang tidak berdaya seperti saya dibawa ke mahkamah sedangkan semua perbuatan yang saya lakukan itu sebenarnya dilakukan oleh Allah? Qadi pun membebaskan Behlul."

(12) TUJUAN PENCIPTAAN

Seperti yang telah dijelaskan, Tuhan tidak menciptakan sesuatu tanpa tujuan. Kita boleh bertanya, apakah tujuan penciptaan manusia?

Allah menciptakan manusia agar dia boleh mendapat kebaikan yang boleh mendekatkan dirinya kepada Allah. Manusia hadir ke dunia ibarat sehelai kertas yang kosong. Sepanjang hayatnya, berbagai-bagai bentuk dan corak tercalit di kertas tersebut sebagai akibat atau kesan daripada pemikiran dan perbuatan-perbuatannya. Kebaikan yang dia perolehi adalah seperti corak-corak yang menawan manakala keburukan pula seperti corak-corak yang hodoh.

Allah mengurniakan hikmah, kebijaksanaan dan kekuatan bagi mencapai kebaikan-kebaikan tersebut. Dia telah memperlihatkan jalan yang lurus kepada manusia dan mengancamnya daripada jalan-jalan kesesatan, tetapi Dia (Allah) tidak memaksa manusia melakukan perbuatan-perbuatan baik, begitu juga dengan perbuatan-perbuatan buruk. Dia (Allah) telah memberikan kuasa atau kemampuan kepada manusia untuk melakukan sesuatu sebagaimana yang diingininya dalam hidup ini.

(13) TAWFIQ DAN KHIDHLAN

Oleh kerana tujuan penciptaan kita adalah untuk memperolehi kebaikan dengan mentaati Allah dan kerana kita diberikan kebebasan memilih, Allah tidak pernah

memaksa kita untuk memilih jalan tertentu. Allah yang Maha Pemurah sentiasa menolong manusia yang jujur ingin mentaati-Nya, tetapi pertolongan itu bukanlah sama dengan sebarang bentuk paksaan daripada Allah.

Marilah kita mengambil contoh, seorang tukang yang diminta membaiki atap. Dia bersetuju melakukan kerja tersebut dan sudah pun bersiap-sedia. Bagaimanapun, kemudian dia menghadapi beberapa kesukaran untuk mendapatkan tangga yang mempunyai panjang tertentu. Anda tahu bahawa dia memang berhasrat melakukan tugas itu, tetapi anda juga memaklumi bahawa dia akan menghadapi kesukaran kerana tangganya yang pendek itu. Justeru itu, anda meminjamkan tangga anda yang mempunyai ketinggian tertentu kepadanya dan dengan sebab itu, anda telah memudahkan kerja-kerjanya itu.

Patut diingat bahawa, pertolongan itu diberikan ketika dia mempunyai hasrat yang kuat untuk melakukan tugas tersebut pada ketika dia telah membuat persiapan yang cukup lengkap. Lantaran itu, pertolongan tadi bukanlah memaksanya memulakan kerjanya itu, dan ia bukan juga menyebabkan timbulnya niat, keinginan atau kekuatan untuk memperbaiki atap tersebut. Niat, kehendak dan kekuatan, semuanya telah pun tersedia. Apa yang anda lakukan hanyalah menolongnya melaksanakan niatnya itu.

Pertolongan seperti itu daripada Allah (s.w.t) yang dikurniakan kepada orang-orang yang ikhlas ingin mentaati perintah-Nya disebutkan sebagai *Tawfiq*.

Sekarang, marilah kita lihat di satu pihak lagi, andaikata tukang tersebut tidak mahu membaiki atap itu dan enggan menerima tugas itu sama sekali, ataupun selepas dia bersetuju melakukan tugas itu dan kemudian mengamalkan taktik berlengah-lengah serta

mengemukakan berbagai-bagai alasan yang tidak munasabah.

Anda tahu bahawa dia memang tidak berniat melakukan tugas itu. Justeru itu, tidaklah perlu sama sekali memberikannya tangga itu ataupun menawarkan tangga itu kepadanya.

Bolehkah dikatakan bahawa dengan mengambil balik tangga itu daripadanya, anda telah memaksanya untuk tidak melakukan tugas itu? Tentu sekali tidak. Ini disebabkan orang itu dengan kehendak an pilihannya sendiri telah menolak tugas itu (atau menangguhkannya tanpa sebarang alasan yang wajar). Tangga kepunyaan anda itu tidak ada kaitan sama sekali dengan keputusannya itu.

Dengan menarik balik pertolongan daripada orang-orang tersebut, yang dengan kehendak dan pilihan mereka sendiri telah memilih untuk mengingkari perintah-perintah Allah, disebutkan sebagai khidhlan.

Anda akan menemui banyak ayat al-Qur'an yang merujuk kepada kedua-dua aspek pertolongan Allah tersebut.4

Lihatlah bahawa Allah tidak pernah menyesatkan golongan kafir - Dia (Allah) hanya membiarkan mereka berada dalam kesesatan. Ini bermaksud bahawa mereka telah tersesat dan kemudian Allah membiarkan mereka terus tersesat. Pengertian ini akan menjadi lebih jelas apabila anda melihat rangkaikata yang terakhir: " oleh yang demikian, Allah menggandakan hukuman ke atas orang-orang yang kufur." Ia dengan jelas menunjukkan mereka dibiarkan berada dalam kesesatan sebagai suatu bentuk

[4] Sebagai contohnya al-Qur'an, surah al-An'am (6): 125.

hukuman kerana kekufuran mereka. Mereka telah memilih, dengan kehendak sendiri, untuk tidak mempercayai Allah, dan kemudian, sebagai hasil dari kekufuran itu, Allah membiarkan mereka kesesatan.

Riwayat yang lain pula menyebutkan:

" Dengan perumpamaan ini banyak orang yang disesatkan Allah, dan dengan perumpamaan itu (pula) banyak orang yang diberi-Nya petunjuk. Dan tiada yang disesatkan Allah kecuali orang-orang yang fasik."5

Di sini dinyatakan bahawa orang-orang yang terbiar sesat itu hanyalah orang-orang yang telah pun melampaui batas hukum dengan pilihan dan kehendak mereka sendiri. Jelaslah bahawa mereka dibiarkan sesat kerana mereka sendiri yang telah menyesatkan diri dengan pilihan mereka yang buruk itu.

(14) LUTF (KEBAIKAN ALLAH)

Seandainya seseorang boleh melakukan kebaikan kepada orang tertentu tanpa mengganggu orang lain, sedangkan dia masih tidak melakukannya, ini adalah bercanggah dengan kebaikan, dan ternyata merupakan suatu keburukan. Lantaran itu, apabila Allah boleh melakukan sesuatu yang dapat memberikan kebaikan kepada makhluk-makhluk-Nya dan kemudian, seandainya Dia (Allah) tidak melaksanakannya, perkara ini adalah bertentangan dengan kebaikan Allah dan ia tidak harus terjadi.

5 Al-Qur'an, surah al-Baqarah (2): 26.

Atas hujah inilah, kami percaya bahawa " dari segi akhlak, adalah wajib bagi Allah melakukan setiap perbuatan baik yang berhubung dengan manusia."

Apakah yang dimaksudkan dengan *lutf* yang diterjemahkan secara umumnya sebagai rahmah atau kebaikan dalam perenggan ini? *Lutf* merupakan suatu kebaikan daripada Allah yang boleh menolong para hamba-Nya menghampiri, mengabdi, mentaati dan menyempurnakan diri mereka kepada Allah.

Memang wajar dinyatakan di sini bahawa Allah telah memerintahkan manusia supaya berlaku adil, malahan Dia (Allah) sendiri telah menganugerahi kita dengan sesuatu yang jauh lebih baik daripada keadilan-Nya iaitu *tafaddul* (kemuliaan).

Kepercayaan bahawa *lutf* adalah wajib ke atas Allah dalam aspek akhlak merupakan suatu kepercayaan yang khusus terdapat dalam ajaran Syi'ah Ithna-'Asyariah. Sunni tidak percaya bahawa lutf adalah wajib ke atas Allah. Bukan itu sahaja bahkan mereka juga mengatakan bahawa keadilan ('Adl) juga tidak wajib ke atas Allah, inikan pula *lutf*. Berdasarkan contoh yang dikemukakan oleh mereka, seandainya Allah memasukkan orang yang baik dan salih ke eraka dan menghumbankan syaitan ke syurga, ia boleh diterima sebagai benar. Tidak ada salahnya.

Kedua-dua konsep, *tawfiq* dan *khidhlan* seperti yang dinyatakan di atas pada dasarnya bertujuan untuk mendorong seseorang ataupun sekumpulan orang mentaati perintah-perintah Allah. Bagaimanapun, adakalanya pertolongan itu dikurniakan kepada seseorang yang ingkar, bukannya kerana dia diharap mendapat kebaikan dan dapat melaksanakan tugas-tugasnya, tetapi hanyalah untuk mematikan hujah atau alasan, agar dia tidak dapat lagi

mendakwa bahawa seandainya dia diberikan sedikit pertolongan, tentunya dia dapat menjadi seorang hamba Allah yang taat. Hal seperti ini dikenali sebagai *Itmam al-Hujjah* (penyempurnaan hujah).

(15) SYARIAT, NABI-NABI, IMAM-IMAM, QIYAMAT: DI ANTARA CONTOH-CONTOH LUTF

Kini, kita telah mengetahui bahawa Allah menciptakan menusia untuk memperolehi kebaikan dalam hidup ini agar kita dapat menghampirkan diri kepada Allah di alam Akhirat.

Persoalannya, bagaimanakah kita dapat mengetahui apa itu kebaikan dan apa itu keburukan? Akal manusia menilai kebaikan atau keburukan yang tersembunyi dalam setiap perbuatan kita.Bagaimanapun, bolehkah kita menjangkakan setiap orang bertindak menurut akal yang sempurna? Tentu sekali tidak. Terdapat banyak kali ketika keinginan atau kemarahan mengatasi suara hati dan ketika kebaikan segera (yang diperolehi menerusi cara-cara yang salah) kelihatan lebih dihargai berbanding dengan ketakutan kepada kutukan masyarakat ataupun hilangnya rahmah Allah di alam Akhirat nanti.

Sekiranya Allah membiarkan manusia tanpa sebarang petunjuk yang berkesan untuk mengekang keinginan dan fikiran-fikiran jahat seseorang manusia, hal tersebut samalah seperti mengkecundangkan matlamat-Nya sendiri. Justeru itu, Dia (Allah) telah membuat beberapa garis panduan dan mengutuskan para Nabi dan Imam untuk membawa hukum-hukum tersebut kepada makhluk-Nya dan untuk menjelaskan serta memelihara hukum-hukum tersebut.

Dia (Allah) tidak membiarkan kita di situ sahaja, bahkan Dia juga memilih suatu hari ketika semuanya akan dihimpunkan untuk menghitung perbuatan-perbuatan dan kepercayaan-kepercayaan mereka. Allah menerusi rahmah dan keadilan-Nya mengutuskan berita kepada kita bahawa pasti akan berlaku hari kebangkitan, hari pengadilan, hari pembalasan dan hari hukuman. Pengetahuan tentang hal ini membantu makhluk-makhluk supaya mentaati peraturan-peraturan atau hukum-hukum yang dibawa daripada para nabi.

Oleh yang demikian, perutusan syariat adalah suatu *lutf* bagi menolong manusia mencapai tujuan hidup mereka. Begitu juga, perutusan para nabi dan imam serta pemilihan hari pengadilan adalah juga suatu *lutf* atas alasan yang sama, dan kerana semuanya itu adalah *lutf,* maka ia adalah wajib ke atas Allah.

TAKLIF: Peraturan atau hukum syariat dikenali sebagai *Taklif* (pertanggungjawaban). *Taklif* dari segi bahasa bererti meletakkan diri dalam kesusahan. Seperti peraturan atau hukum yang lain, (walau ia mungkin yang paling ringan sekalipun), syariat adalah dikenali sebagai *taklif*. (Di samping itu, ketiadaan hukum atau peraturan pada akhirnya tentu akan mendatangkan kesukaran dan penderitaan yang lebih perit dan berat, sedangkan dengan hukum atau peraturan akan lebih membawa ketenteraman dan kebahagiaan).

Walaupun hukum-hukum syariat dikatakan sebagai suatu " kesusahan," pada hakikatnya ia adalah termasuk dalam kemampuan kita, Allah (s.w.t) berfirman:

" Allah tidak memberatkan seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya."[6]

6 Al-Qur'an, al-Baqarah (2): 286.

Al-Imam Ja'far al-Sadiq ('a.s) berkata: " Allah memberikan perintah-perintah kepada para hamba-Nya yang berada dalam kemampuan mereka ... kerana Dia (Allah) menyuruh mereka bersembahyang lima (5) kali sehari semalam, puasa sebulan dalam setahun, mengeluarkan zakat 5 dirham dalam 200; menunaikan haji sekali seumur hidup, tetapi orang ramai mempunyai kemampuan untuk melakukannya lebih daripada had minimun tersebut."

Lebih jelas lagi, perkataan yang digunakan dalam ayat di atas bukanlah *taqah* [kemampuan dan keupayaan] tetapi *wus'* yang bermaksud mudah dan senang, dan di sini ia membawa maksud yang berada di dalam kemampuan atau keupayaan. Inilah suatu aspek limpah kurnia Allah yang tidak terkira, sehinggakan Allah (s.w.t) berfirman:

" Allah menghendaki kemudahan bagimu dan Dia tidak sekali-kali menghendaki kesusahan."7

Penerangan-penerangan seterusnya mengenai syariat akan dikemukakan dalam bab Ujian.

(16) *ASLAH*: PERKARA YANG TERBAIK

Kami percaya semua perbuatan Allah adalah bertujuan untuk kebaikan para makhluk-Nya. Boleh jadi manusia yang membaiki atapnya merasa teraniaya kerana hujan yang turun dengan begitu lebat, tetapi hujan adalah untuk maslahah (kepentingan) berbentuk umum; bahkan seseorang yang merasa teraniaya pada masa itu akan mendapat kebaikan darinya pada jangka panjang.

7 Al-Qur'an, al-Baqarah (2): 185.

(17) NALURI

Kami percaya setiap naluri (gerak hati) dan keinginan telah pun dijadikan dalam diri seseorang mansuia kerana beberapa tujuan. Naluri-naluri atau keinginan-keinginan ini tidak sepatutnya dimusnahkan tetapi hendaklah dipergunakan untuk kepentingan umum manusia. Sebagai contoh, keinginan seks telah pun dijadikan oleh Allah sendiri dalam kejadian manusia. Untuk memusnahkan naluri tersebut akan merupakan suatu bantahan terhadap Penciptanya. Ia tidak sepatutnya, dan tidak boleh dimusnahkan tetapi fungsinya hendaklah diatur untuk kepentingan manusia, dan kerana itulah perlunya perkahwinan.

Demikian juga, ketakutan dan keinginan merupakan naluri-naluri semulajadi dan sepatutnya dimanfaatkan bagi kepentingan manusia. Orang Islam diajar agar tidak takut kepada sesiapa atau sesuatu selain dari Allah, dan tidak menghendaki sesuatu di dunia ini, sebaliknya bersiap sedia untuk menerima kurniaan Allah.

(18) JANJI DAN ANCAMAN

Seperti yang telah dijelaskan, Allah telah menetapkan Hari Pengadilan. Dia (Allah) telah menjanjikan balasan pahala yang banyak untuk perbuatan-perbuatan yang baik dan mengancam untuk menghukum perbuatan-perbuatan yang jahat. Terdapat perbezaan di kalangan orang-orang Islam sama ada Allah wajib memenuhi janji dan ancaman-Nya.

1. Al-Mu'tazilah mengatakan wajib bagi Allah; iaitu Allah tidak boleh memaafkan perbuatan-perbuatan jahat seseorang yang mati tanpa bertaubat.

2. Al-Asy'ariyyah (Asya'irah) mengatakan Allah tidak wajib memenuhi janji dan ancaman-Nya; iaitu Dia (Allah) boleh memasukkan orang-orang yang baik ke neraka Jahannam dan menyumbatkan syaitan ke syurga. Kepercayaan mereka ini adalah berdasarkan kepercayaan mereka bahawa tidak ada sesuatu yang baik atau buruk dengan sendirinya; dan hanya apa yang Allah memerintahkan kita melakukannya itu baik dan apa yang ditegah-Nya itu tidak baik. Menurut mereka, tidak ada sesuatu mengandungi keburukan atau keburukan kecuali apa yang Allah perintah atau larang. Oleh itu, seandainya Dia (Allah) memasukkan syaitan ke syurga dan memasukkan para nabi ke neraka, ia dianggap adil belaka.

BAHAGIAN KEDUA

(19) UJIAN

Sekarang anda mengetahui bahawa kita diciptakan untuk memperolehi kebaikan dengan dapat menghampirkan diri kepada Allah, tetapi bagaimanakah cara untuk memastikan tingkat kebaikan kita? Untuk memudahkan kita memahami keadilan Allah, Dia (Allah) telah menetapkan suatu sistem ujian yang boleh menentukan kesempurnaan ataupun kecacatan rohani kita dalam sesuatu peristiwa). Allah telah berfirman dalam al-Qur'an:

" Sesungguhnya, Kami telah menciptakan manusia dari setetes mani yang bercampur yang Kami hendak mengujinya (dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat. Sesungguhnya Kami telah menunjukinya jalan yang lurus; ada yang bersyukur dan ada pula yang kafir."8

8 Al-Qur'an, surah al-Insan (76):2.

Ujian akan diadakan kepada setiap orang yang beriman atau kafir. Ujian pada peringkat awalnya menunjukkan manusia tidak ditentukan sama ada ke syurga atau neraka, tidak seperti sesetengah golongan Kristian dan majoriti umat Islam percaya.

Seandainya tempat manusia itu telah ditetapkan terlebih dahulu, lalu kenapakah kita diperintahkan supaya melakukan perkara ini dan tidak melakukan perkara itu? Orang-orang yang percaya bahawa Allah telah pun menetapkan perbuatan dan tempat terakhir kita terlebih dahulu, tidak boleh menjustifikasikan teori ujian yang dinyatakan dalam banyak ayat al-Qur'an; dan mereka juga tidak boleh menjustifikasikan kepercayaan mereka tentang Hari Qiyamat.

Kenapa adanya Hari Qiyamat sedangkan semuanya telah diatur terlebih dahulu, dan hukuman siapakah itu ketika manusia hanya melakukan apa yang telah ditetapkan oleh Allah kepadanya? Pertentangan ini menjadi lebih jelas dalam hal orang-orang yang mengatakan bahawa setiap penderitaan adalah suatu bentuk hukuman ke atas perbuatan jahat kita. Ini kerana, seandainya manusia hanya melakukan apa yang telah ditetapkan oleh Allah, kenapakah adanya hukuman?

(20) KENAPA UJIAN DIADAKAN SEDANGKAN ALLAH MENGETAHUI SEGALANYA

Ujian yang perlu kita jalani bukanlah bererti untuk menambahkan pengetahuan kepada Allah, tetapi ia merupakan suatu kemestian bahawa semua manusia patut diuji supaya bentuk keadilan dan rahmat Allah yang sebenar menjadi jelas apabila kita dihadapkan kepada keimanan dan amalan-amalan kita di hari Akhirat.

Seandainya Allah memasukkan semua orang ke syurga atau neraka, berdasarkan pengetahuan-Nya tanpa menguji mereka, tentulah orang-orang yang dimasukkan ke dalam neraka boleh mengemukakan hujahnya yang hak, kenapa mereka dijatuhi hukuman tanpa sebarang dosa, sedangkan orang lain pula dimasukkan ke syurga tanpa sebarang amalan baik daripada mereka? Justeru itu, inilah matlamat kepada ujian tersebut.

(21) DUA JENIS UJIAN

Ujian-ujian boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori:

Pertama: ujian menerusi hukum-hukum syariat dan rukun-rukun Iman. Seperti yang telah dijelaskan, Allah mengutuskan syariat bersama-sama para nabi, dan manusia dikehendaki mempercayai kebenaran agama dengan tulus ikhlas dan mentaati hukum-hukumnya dengan penuh keimanan.

Kedua: ujian yang lebih keras dan dilakukan menerusi penderitaan. Allah berfirman dalam al-Qur'an:

“ Sesungguhnya, Kami akan mengujimu dengan ketakutan dan kelaparan dan dengan kehilangan harta kekayaan, nyawa dan tanaman serta membawa berita gembira kepada orang-orang yang bersabar, yang apabila ditimpakan kesusahan mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah daripada Allah dan sesungguhnya kepada-Nya kami akan kembali; akan dilimpahkan ke atas mereka dengan berkah dan rahmat Allah.”[9]

---

9 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2): 152.

Terdapat begitu banyak bentuk kesusahan. Kemalangan, banjir, gempa bumi, kebakaran, kecurian, peperangan, mogok, kemarau, wabak - semua kejadian ini mempunyai kesan ke atas kehidupan kita; kita diuji bagaimana kita bertindakbalas terhadapnya. Adakah keimanan kita tetap teguh? Adakah kita memperlihatkan keteguhan dan kesabaran ketika kita berhadapan dengan malapetaka tersebut? Kebahagiaan kita yang kekal abadi adalah bergantung kepada keputusan ujian-ujian tersebut.

(22) FAKTOR-FAKTOR PENDERITAAN

Penderitaan bolehlah ditentukan kepada mana-mana satu atau lebih berdasarkan kepada tiga sebab berikut:

1) sama ada ia sebagai akibat daripada kelalaian atau kecuaian kita. Seseorang manusia mengabaikan peraturan-peraturan kebersihan lalu ditimpa sakit. Dia sendiri adalah punca kepada penderitaannya, dan kesusahannya itu adalah akibat langsung daripada kecuaiannya. Dalam ertikata yang sebenar, ia tidak mengandungi sebarang pengertian dosa. Ia adalah penderitaan yang dibuat sendiri. Tiada seorang pun terlibat dalam hal ini. Dia boleh mempersalahkan dirinya sendiri seandainya dia mahu.

2) penderitaan yang boleh dikatakan sebagai akibat daripada perbuatan Allah. Kapal karam, gempa bumi, angin puting beliung, ribut taufan dan lain-lain yang berada di luar kawalan manusia. Semua perkara tersebut adalah penting untuk menyempurnakan sistem peredaran alam. Di samping itu, orang yang menderita dan segala susah payahnya itu diuji dengan berbagai-bagai penderitaan.

3) Tetapi perkara yang paling sukar sekali ialah dalam kategori ketiga, iaitu penderitaan akibat daripada perbuatan orang lain.

(23) APAKAH PILIHAN ITU?

Allah boleh menjadikan kita semua seperti malaikat tanpa sebarang kehendak atau keupayaan kita sendiri yang tidak terikat. Bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan seperti di atas, perbuatan-perbuatan manusia yang baik adalah tidak layak sama sekali mendapat pujian. Itu semua adalah rencana Allah untuk memberikan kuasa dan kehendak kepada kita membuat apa yang kita suka, kerana dengan itu sahaja kita boleh dipertanggungjawabkan atas perbuatan kita yang baik ataupun buruk. Hanya dengan itu sahajalah kita boleh merasai bahawa kita telah mencapai sesuatu yang sewajarnya.

Oleh sebab itu, Tuhan mengurniakan keinginan kepada kita dan memberikan kekuatan kepada kita untuk melakukan sesuatu mengikut keinginan tersebut, dan selepas mengurniakan kekuatan itu, lalu Allah kita ke dunia untuk diuji. Cubalah bayangkan dunia ini dari sudut berikut. Ada seorang raja yang zalim cuba menguasai dunia dan menghapuskan orang-orang yang dicintai Allah dan yang paling bertaqwa dari dunia ini. Dia bertindak menentang tuntutan-tuntutan ujiannya itu. Apakah yang boleh diharapkan daripadanya? Dia diharap supaya mengakui kekuasaan Allah, menghormati agama dan perintah-perintah Allah, memerintah dengan penuh keadilan dan kebaikan. Sebaliknya, dia berada di pihak penentang. Secara ringkasnya, bolehlah dikatakan dia telah gagal dalam ujiannya.

Orang-orang yang salih dan dicintai Allah pula berada di satu pihak lagi. Apakah yang dapat diharapkan daripada mereka? Mereka diharapkan agar hidup dalam

suasana yang aman tenteram serta menolong orang lain supaya mencontohi mereka. Mereka merasa bahawa Allah mengharapkan mereka agar memberikan amaran kepada pemerintah yang zalim kerana hanya itulah sahaja jalan yang dapat menyelamatkannya daripada kecelakaan yang berterusan, dan untuk menyelamatkan mangsa-mangsanya daripada kekejamannya.

Seandainya mereka memilih untuk tidak campurtangan, tentu mereka akan gagal dalam ujian tersebut. Seandainya mereka memilih untuk mengikut perintah Allah, mereka telah melaksanakan tanggungjawab itu terhadap diri mereka, terhadap manusia lain dan juga terhadap Tuhan.

Seterusnya akan wujudlah dua keadaan iaitu sama ada raja itu menerima nasihat mereka dengan mendengar kata-kata dan mengikut mereka ke jalan Allah ataupun dia mengabaikan amaran dan ancaman mereka dan tetap meneruskan taktik lamanya.

Seandainya dia mengikuti nasihat mereka dan kembali ke jalan Allah, itu merupakan kebaikan untuk semua. Orang-orang yang salih melakukan tugas mereka dengan memberikan amaran kepadanya, manakala dia pula menjalankan tugasnya dengan mematuhi nasihat mereka. Justeru itu, semuanya berjaya melepasi ujian tersebut.

Bagaimanapun, seandainya dia mengingkari amaran mereka dan tetap ingin mengalihkan mereka dari jalannya, dia telah hilang segala harapan untuk berjaya dalam ujian penting itu. Tetapi bagaimanakah pula halnya tindakan orang-orang salih itu? Adakah mereka patut meneruskan usaha mereka untuk mengubahkan jalannya? Seandainya mereka mengalah, bererti kejayaan yang mereka kecapi sejauh ini akan bertukar kepada kegagalan. Sekiranya mereka tidak mahu mengalah, mereka akan

terpaksa menghadapi penderitaan yang bakal ditimpakan oleh orang zalim itu.

(24) SEBAGAI KESIMPULAN

Sekarang, kedudukan itu bolehlah disimpulkan kepada beberapa ayat berikut:

1) Setiap orang pasti diuji di dunia ini.
2) Setiap orang menjadi bahan ujian kepada orang lain, juga kepada dirinya sendiri.

3) Andaikata sebagai contoh, jiran yang bersifat pemarah mengganggu jirannya yang lain, dia telah gagal dalam ujiannya, tetapi pada masa yang sama, dia menjadi ujian kepada jirannya.

4) Seandainya jirannya tadi cuba memperbetulkan tingkahlakunya dengan caranya sendiri, dan menerusi cara itu, dia telah berjaya dalam ujiannya, tidak kira sama ada jirannya yang bersifat pemarah itu dapat mengubah sikapnya ataupun tidak.

Di samping itu, atas alasan inilah Islam mengharapkan kita supaya melakukan tugas-tugas kita terhadap orang lain tanpa mengira sama ada mereka melakukan tugas-tugas mereka ataupun tidak. Secara umumnya, oleh kerana kita sedang menjalani ujian, kita bolehlah diibaratkan seperti para pelajar yang sedang menduduki peperiksaan. Tidak ada seorang pelajar pun yang ingin merosakkan kertas jawapannya hanya kerana rakan sekelasnya telah merosakkan kertas-kertasnya sendiri.

(25) PERSOALAN UTAMA

Kini sampailah kita kepada persoalan lain: kenapakah kita harus menderita disebabkan kebodohan orang lain? Kita bukannya benda-benda tidak bernyawa. Kita adalah manusia yang mempunyai perasaan. Kenapakah perasaan kita patut dilukai hanya kerana orang lain gagal menjalankan tugas-tugasnya?

Begitu juga, seseorang itu mungkin bertanya: " Kenapakah kita ditimpakan kecederaan, kehilangan nyawa atau harta, kekecewaan dan kegagalan akibat daripada apa yang dikatakan sebagai perbuatan Allah, seperti banjir, gempa bumi, ribut taufan dan angin puting beliung?" Semua persoalan itu akan ketara pentingnya seandainya kematian di dunia ini hanya merupakan pengakhiran kepada sebuah kehidupan, sekiranya tidak ada hari pengadilan. Bagaimanapun, sekarang ini keadaannya adalah seperti begini:

Tidak kiralah berapa besar penderitaan kita, ia tidak akan berkekalan. Kita mempunyai pengetahuan yang jelas bahawa lambat-laun, semua masalah ini akan berakhir kerana kehadiran kita di dunia ini akan berakhir pada suatu hari nanti dan kita akan dipindahkan dari dunia ini. Kebimbangan dan kesusahan kita akan berakhir dengan syarat kita telah membuat persediaan untuk itu.

Menurut kepercayaan kami, Allah akan memberikan balasan kepada manusia di atas penderitaannya, sama ada dia seorang Islam mahupun bukan Islam. Orang-orang yang melakukan perbuatan dosa mendapat balasan dalam bentuk pengampunan daripada hukuman di hari Akhirat.

Orang-orang seperti para nabi dan imam yang tidak melakukan sebarang dosa, tetapi mengalami penderitaan lebih daripada orang lain akan dibalas dengan balasan kemuliaan dan kehormatan yang lebih tinggi oleh Allah.

Justeru itu, menurut pandangan Syi'ah, penderitaan di dunia ini akhirnya menyucikan manusia dari dosa dan dapat menghampirkan dirinya kepada Allah di hari Akhirat.

(26) PENDERITAAN SEBAGAI AMARAN ATAU HUKUMAN

Harus dinyatakan di sini bahawa penderitaan dan kecelakaan kadangkala bukannya digunakan sebagai ujian, tetapi sebagai amaran kepada orang-orang yang berdosa ataupun sebagai hukuman kepada orang-orang yang melampaui batas. Contoh-contoh amaran bolehlah didapati dalam hadith-hadith Nabi (s.'a.w):

" Ketika Allah murka kepada manusia, dan masih belum mahu menghapuskan mereka sama sekali, harga melambung naik, jangka hayat dipendekkan, perdagangan tidak memberikan keuntungan dan tanah tidak membuahkan hasil."

Baginda juga menjelaskan bahawa perzinaan dan pelacuran apabila dilaksanakan secara terbuka akan menambahkan kematian dengan segera, mengakibatkan wabak penyakit dan penderitaan yang belum pernah didengari sebelumnya.

Apabila orang ramai membiasakan diri dengan menipu timbangan dan ukuran, amaran akan datang dalam bentuk kemarau, pengangguran dan kezaliman pemerintah.

Apabila orang-orang kaya menahan " zakat " (peraturan agama tentang jumlah bayaran daripada hasil tanaman, ternakan dan wang), kemiskinan akan mengancam masyarakat. Imam 'Ali bin Abi Talib ('a.s) mengatakan: "Andainya semua orang yang layak, membayar " zakat "

mereka, tentulah tidak akan ada orang-orang miskin dalam masyarakat tersebut.”

Ini hanyalah beberapa contoh bagaimana Allah memberi amaran kepada kita agar kita memperbaiki cara hidup kita.

Contoh-contoh hukuman bolehlah ditemui dalam cerita-cerita Fir‘aun, Namrud, para pengikut Nabi Lut, Syu‘aib, Nuh dan Saleh. Wajar juga dinyatakan di sini bahawa kemusnahan menyeluruh (seperti kepada para pengikut Nabi Lut, Fir‘aun dan Namrud) telah diberhentikan daripada umat ini, sebagai suatu penghormatan kepada Nabi (s.‘a.w) kita yang menjadi “ rahmat untuk sekalian alam,” tetapi penderitaan untuk memberikan amaran kepada para pelampau yang melampaui batas akan tetap berterusan.

Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang telah merahsiakan tujuan sebenar sesuatu penderitaan daripada pandangan mata kita. Justeru itu, kita sepatutnya tidak mengatakan bahawa seseorang itu menderita penyakit yang kronik sebagai suatu hukuman yang dijalani akibat perbuatan jenayahnya yang berat. Kenapa? Ini kerana boleh jadi dia seorang yang baik hati sedang menjalani ujian yang berat bagi menguji kebaikannya.

Oleh itu, kita tidak boleh menghukum sesiapa pun melalui kekayaan atau kemiskinan yang dapat dilihat, menerusi nasibnya yang baik atau buruk, menerusi keadaannya yang sihat atau sakit, menerusi peluangnya yang baik ataupun sebaliknya. Kita sepatutnya memberikan tumpuan kepada peningkatan moral dan spiritual kita sendiri.

BAHAGIAN KETIGA

(27) ILMU " GHAIB "

Ghaib bererti " perkara yang tersembunyi." *'Ilm al-Ghayb* bererti ilmu tentang perkara yang tersembunyi, seperti peristiwa-peristiwa masa akan datang. Ilmu seperti itu adalah semata-mata menjadi kepunyaan Allah. Tiada seorang jua pun boleh mengetahui perkara ghaib kecuali Allah.

Memang ramai di antara kita yang dapat meramalkan beratus-ratus perkara yang bakal berlaku pada masa hadapan. Kita dapat mengetahui masa dan jarak sesuatu gelombang lebih awal. Kita dapat mengetahui hari, masa dan jarak gerhana matahari dan bulan dengan tepat. Peramal kajicuaca dapat meramalkan hujan, ribut, taufan dan banyak lagi keadaan musim dan cuaca. Sesetengah daripada kita, dengan hanya melihat kepada ciri-ciri pada diri seseorang dapat menceritakan apakah watak dan keadaan seseorang dengan begitu menyakinkan sekali. Doktor-doktor dan ahli-ahli perubatan dapat mengagak apakah peluang-peluang hidup seseorang pesakit tertentu dengan mudah. Anda boleh mendapati banyak contoh seperti ini dalam kehidupan sehari-hari. Adakah itu dikatakan ilmu ghaib? Adakah peramal kajicuaca mengetahui perkara ghaib?

Jawapannya, tidak. Ini kerana semua ramalan dan agakan tersebut adalah dibuat berdasarkan kepada pemerhatian terhadap hukum-hukum alam. Menerusi pemerhatian yang teliti, kita boleh berada dalam posisi dapat mengetahui banyak perkara terlebih awal. Pengetahuan yang cepat seperti ini adalah berasaskan kepada pemerhatian kepada hukum-hukum fizikal.

Ilmu ghaib yang disebutkan dalam al-Qur'an sebagai hak kepunyaan Allah semata-mata merupakan pengetahuan tentang perkara-perkara rahsia atau

kejadian-kejadian masa akan datang yang tidak berdasarkan kepada pemerhatian tentang hukum-hukum fizikal. Inilah jenis pengetahuan atau keilmuan yang dimaksudkan dalam ayat berikut:

" (Dia adalah Tuhan) Yang Mengetahui yang ghaib, maka Dia tidak memperlihatkan kepada seorang pun tentang yang ghaib, kecuali kepada rasul yang diredai-Nya, maka sesungguhnya Dia mengadakan penjaga-penjaga (malaikat) di muka dan di belakangnya."10

Ayat ini dan banyak lagi ayat-ayat lain yang seumpamanya menyatakan secara khususnya bahawa pengetahuan mengenai perkara yang tidak dapat dilihat dan rahsia masa akan datang bukanlah berdasarkan kepada hukum-hukum fizikal atau pemerhatian, ia adalah semata-mata milik Allah sahaja. Dia (Allah) dengan hikmah-Nya yang tersendiri, memilih sebahagian rasul, nabi atau imam untuk menceritakan pengetahuan-pengetahuan tersebut kepada mereka mengikut kehendak dan masa yang Dia (Allah) telah tetapkan.

Secara ringkas, tiada seorang jua pun dapat mengetahui perkara-perkara masa akan datang yang tersembunyi (tanpa sesuatu tanda atau pemerhatian semasa) kecuali Allah. Allah dengan rahmah-Nya memberitahu sesiapa sahaja yang Dia pilih bagi menerima pengetahuan-pengetahuan tersebut, sama ada mereka malaikat, nabi ataupun imam.

Para imam telah mengatakan bahawa Allah telah mewahyukan satu dari 73 cabang ilmu-Nya kepada Asif bin Barkhia (menteri Nabi Sulaiman) dan, kerana satu cabang daripada pengetahuan (ilmu) tersebut telah

10 Al-Qur'an, surah al-Jin (72): 26-27.

membolehkannya (Asif) memindahkan takhta Ratu Balqis, Permaisuri Sheba, dari kotanya ke Palestin dengan sekelip mata sahaja.

Sebahagian besar ilmu Allah diwahyukan kepada Nabi Muhammad Mustafa (s.'a.w) dan menerusi baginda disampaikan pula kepada para wasi (pengganti) baginda iaitu 12 orang Imam. Mereka dikurniai 72 dari 73 cabang ilmu.

(28) *LAUH MAHFUZ* DAN *LAUH MAHW-ITHBAT*

Lauh - kepingan kayu atau batu yang dituliskan di atasnya. Dari segi *tasybih*nya, ia digunakan kepada ilmu atau pengetahuan kerana ilmu adalah datangnya daripada benda-benda yang bertulis. *Mahfuz* - terpelihara, dalam penjagaan yang selamat, sesuatu yang tidak mampu difahami oleh orang-orang yang tidak berkenaan, terkawal rapi.

Mahw - penghapusan, pembatalan.

Ithbat - pengukuhan, bertulis.

Oleh yang demikian:

Lauh Mahfuz - kepingan yang mengandungi ilmu pengetahuan yang tidak boleh difahami oleh orang lain. Pengetahuan yang terpelihara dengan rapi.

Lauh Mahw wa Ithbat - kepingan yang mengandungi ilmu pengetahuan yang boleh dipadam dan diganti. Pengetahuan yang boleh mengalami perubahan dari masa ke masa.

Sekarang, anda telah mengetahui *Lauh Mahfuz* dan *Lauh Mahw wa Ithbat* dari konteks bahasa. Biarlah saya

jelaskan apa yang dimaksudkan dengan kedua-dua istilah ini dalam Islam.

Kita tahu bahawa ilmu atau pengetahuan Allah tidak boleh salah sama sekali. Dengan kata-kata lain, tidak akan ada sebarang perubahan dalam ilmu atau pengetahuan Allah.

Disebabkan alasan inilah, Allah menyebutkan ilmu atau pengetahuan-Nya itu sebagai *Lauh Mahfuz*. Rangkaikata ini menggambarkan ilmu Allah, kerana ilmu-Nya tidak boleh berubah sama sekali, dan ia sentiasa benar serta tidak memerlukan pembatalan ataupun penggantian.

Umm al-Kitab - adalah nama lain yang digunakan untuk ilmu atau pengetahuan Allah. Ia membawa maksud kitab dasar dan ibu segala kitab. Ilmu Allah dikenali sebagai kitab dasar (iaitu ilmu dasar), atau ibu (iaitu sumber) segala ilmu, kerana hanya ilmu-Nya sahaja yang boleh disebut sebagai ilmu yang hakiki (sebenar).

Lauh Mahw wa Ithbat adalah nama yang diberikan oleh Allah kepada ilmu atau pengetahuan para malaikat, nabi dan imam. Ilmu mereka, biarpun merupakan ilmu atau pengetahuan yang paling lengkap dan sempurna dari sekalian manusia, namun ia masih tetap tidak lengkap apabila dibandingkan dengan ilmu Allah.

Nama-nama tersebut adalah diambil daripada ayat-ayat al-Qur'an :

" Allah menghapuskan apa yang Dia kehendaki, dan menetapkan (apa yang Dia kehendaki), dan di sisi-Nya terdapat *Umm al-Kitab*. (*Lauh Mahfuz*)."[11]

11 Al-Qur'an, surah al-Ra'd (13): 39.

Ibu segala kitab ini pula dikenali sebagai *Lauh Mahfuz* dalam ayat berikut:

“ Bahkan yang didustakan mereka itu ialah al-Qur'an yang mulia, yang (tersimpan) dalam *Lauh Mahfuz*.”12

Oleh kerana ilmu atau pengetahuan para malaikat, nabi dan imam sentiasa ditambah, disempurna dan dilengkapkan, ia dinamakan kepingan yang mengandungi penghapusan dan penulisan.

Anda akan mempelajarinya dengan lebih lanjut selepas ini.

(29) SUATU KISAH YANG MENARIK: KAUM NABI YUNUS (‘A.S)

Kelihatan daripada banyak cerita al-Qur’an bahawa kadang-kadang Allah menerusi rahmah dan hikmah-Nya mewahyukan sebahagian sahaja daripada rencana akan datang-Nya kepada para malaikat dan nabi yang terlibat. Mereka diberitahu tentang rencana-Nya sehingga ke suatu peringkat sahaja, manakala ilmu atau pengetahuan-Nya tentang peringkat-peringkat seterusnya tidak diwahyukan kepada mereka. Sebelum menjelaskan teori ini dengan lebih lanjut, eloklah saya kemukakan beberapa contoh daripada al-Qur’an.

Pertama sekali, kisah mengenai kaum Nabi Yunus (a.s). Allah menceritakan kisah tersebut dalam ayat berikut:-

“ Dan mengapa tidak ada (penduduk) suatu kota yang beriman, lalu imannya itu bermanfaat kepadanya selain

[12] Al-Qur’an, surah al-Buruj (85): 21-22.

kaum Yunus? Tatkala mereka (kaum Yunus itu), beriman, Kami hilangkan daripada mereka azab yang menghinakan dalam kehidupan dunia, dan Kami beri kesenangan kepada mereka sampai kepada waktu yang tertentu."13

Fakta menunjukkan kaum Nabi Yunus ('a.s) telah menyisihkannya, dan hanya dua orang sahaja yang beriman terhadapnya, salah seorang daripada mereka ialah seorang yang salih tetapi tidak berilmu, manakala seorang lagi yang tulus ikhlas serta berilmu. Apabila Nabi Yunus ('a.s) bermohon kepada Allah supaya menurunkan hukuman dan azab kepada kaumnya kerana kekufuran mereka, Allah berjanji kepadanya bahawa pada hari tersebut, azab akan menimpa mereka. Nabi Yunus ('a.s) bersama-sama dengan sahabatnya yang salih tadi meninggalkan kaumnya dan pergi dari situ. Bagaimanapun, sahabat yang berilmu itu tetap berada bersama-sama kaum itu dan cuba menyeru mereka beriman kepada Allah. Dia memberitahu mereka bahawa masih ada masa untuk bertaubat daripada kufur, beriman kepada Allah dan Nabi-Nya, Nabi Yunus ('a.s) dan kemudian bermohon kepada Allah supaya dijauhi daripada azab tersebut.

Pada hari yang dijanjikan, anak-anak dipisahkan daripada ibu-ibu mereka, anak-anak lembu pula daripada ibunya, setiap orang berpuasa, mereka semua keluar dari kampung itu, di sana mereka menangis, berdoa, bersujud dan bermohon kepada Allah akan pengampunan-Nya serta meminta agar dihindarkan daripada azab.

Langit diselaputi awan hitam, siang laksana malam, petir dan kilat sabung menyabung di angkasa raya. Kelihatan bahawa tidak lama lagi azab dari Allah akan memusnahkan seluruh kaum Nabi Yunus. Nasib baik, mereka bertaubat sebelum sempat menyaksikan azab, dan

[13] Al-Qur'an, surah Yunus (10): 98.

justeru itu Allah dengan rahmah-Nya mengampuni mereka. Pada ketika itu, doa dan rintihan mereka tetap berterusan. Secara beransur-ansur, langit kembali cerah, awan berarak pergi dan semuanya terselamat. Kemudian mereka menantikan kepulangan Nabi Yunus agar mereka dapat mengikutinya.

Keesokannya, Nabi Yunus ('a.s) kembali semula dengan menjangkakan kehancuran kota itu. Sebaliknya, baginda melihat pengembala membawa binatang gembalaannya. Baginda berfikir bahawa Allah tidak memenuhi janji-Nya, lalu tidak memasuki kota tersebut.

Di sini saya tidaklah ingin memberatkan keseluruhan cerita tersebut. Apa yang saya mahu tunjukkan ialah Allah sememangnya mengetahui kaum Nabi Yunus akan bertaubat dan menerima agama yang benar serta beriman kepada Nabi Yunus dan Tuhannya yang menyebabkan mereka akhirnya terselamat. Namun begitu, Dia (Allah) tidak mewahyukan seluruh rencana tersebut kepada Nabi Yunus. Baginda hanya diberitahu bahawa azab tersebut akan datang kepada kaumnya. Pada kebiasaannya, baginda berfikir bahawa azab itu tentunya akan memusnahkan seluruh kaumnya.

Baginda tidak tahu (kerana tidak diberitahu) bahawa sebelum azab dan hukuman itu datang, kaumnya akan bertaubat dan mereka semua akan terselamat. Jelaslah, Allah memberitahu Nabi Yunus tentang kejadian itu hanya sampai ke suatu peringkat tertentu sahaja tanpa menceritakan seluruh rencana tersebut kepadanya.

Kenapakah hal yang sedemikian dilakukan? Ini kerana seandainya Nabi Yunus ('a.s) telah mengetahui azab akan datang kepada kaumnya dan kemudian berlalu pergi, tentulah desakan-desakannya itu tidak dapat menimbulkan keimanan dan kelembutan hati yang sebenarnya dalam

diri kaumnya. Seandainya sahabat Nabi Yunus yang alim itu telah mengetahui azab akan datang dan kemudian lenyap, tentulah dia tidak dapat menimbulkan ketulusan hati mereka dan kata-katanya itu hanya akan sampai ke telinga-telinga yang pekak sahaja. Disebabkan Allah dengan rahmah-Nya menerusi rencana yang baik menghendaki mereka supaya mendengar suara-suara hikmah, Dia (Allah) tidak mewahyukan seluruh peristiwa yang bakal berlaku kepada Nabi Yunus (‘a.s).

Ini bukanlah bermaksud Allah telah mendustainya atau tidak ingin memenuhi janji-Nya. Dia (Allah) tidak memberitahu Nabi Yunus yang kaumnya akan dimusnahkan oleh azab tersebut. Janji itu menyatakan azab akan datang kepada mereka dan memang benar ia berlaku. Janji itu telah ditepati. Tetapi tidak pula dijanjikan kaumnya itu akan dimusnahkan. Ia tidak dijanjikan oleh Allah walaupun semua yang terlibat berfikir bahawa kaum itu tentu akan dihapuskan.

Kisah ini dengan jelas menunjukkan bahawa Allah menerusi rahmah dan hikmah-Nya menahan pemberitahuan tentang peringkat-peringkat kejadian itu seterusnya daripada pengetahuan Nabi Yunus (‘a.s). Nabi Yunus hanya mengetahui seluruh rencana tersebut beberapa lama kemudian selepas rencana itu dilaksanakan dan berhasil.

(30) PENYEMBELIHAN NABI ISMAIL (A.S)

Sekarang, marilah kita lihat contoh yang lain pula. Nabi Ibrahim diperlihatkan dalam mimpinya, baginda sedang menyembelih anaknya dengan nama Allah. Oleh kerana ia adalah mimpi, baginda semestinya melihat bagaimana baginda mengorbankan Ismail. Baginda juga dapat melihat dirinya sedang mengikat tangan dan kaki anak itu, menutupkan matanya dan kemudian meletakkan

pisau di tengkok lalu menyembelih anak itu. Biasanya, dengan melihat menerusi mimpi, baginda berfikir Allah menghendakinya mengorbankan satu-satunya anaknya, Ismail dengan cara tersebut.

Baginda menguatkan hatinya untuk mengorbankan anaknya itu. Anak tadi terdengar akan hal itu lalu bersedia untuk dikorbankan sebagai mentaati perintah Allah. Kedua-dua, ayah dan anak dengan penuh kerelaan mengorbankan segala-galanya demi kerana Allah. Nabi Ibrahim melakukannya seperti yang dilakukannya dalam mimpi, baginda mengikat tangan dan kaki anaknya itu dan mendudukkannya dalam keadaan bersujud, sambil menutupkan matanya diletakkan pisau lalu memotong tengkok anak itu.

Sebaik sahaja membuka kain penutup matanya, baginda melihat Ismail tersenyum dan seekor kambing (Qibasy) telah disembelih di situ. Baginda fikir bahawa dia telah gagal dalam ujian itu, tetapi baginda melakukan apa yang telah dilakukannya dalam mimpi. Memang benar, Allah tidak memberitahunya tentang kejadian itu sampailah ke peringkat akhir, kerana andainya Ibrahim mengetahui Ismail akan diselamatkan atau andainya Ismail mengetahui dia akan selamat, tentulah tidak ada ertinya ujian tersebut dan tentulah tidak ada sebarang peluang untuk menyaksikan kesanggupan mereka mengorbankan segala-galanya demi kerana Allah. Justeru itu, Allah memperlihatkan kejadian itu sampai ke peringkat tertentu kepada Nabi Ibrahim dalam mimpinya, tetapi membiarkannya tidak mengetahui peringkat terakhir, tidak menjelaskan kepadanya bagaimana seluruh kisah tersebut berakhir. Oleh kerana mereka tidak mengetahui keputusan itulah, membolehkan Ibrahim dan Ismail menunjukkan bagaimana kesanggupan mereka mentaati perintah Allah sehingga ke peringkat mengorbankan nyawa

mereka dan nyawa orang yang mereka sayangi kerana Allah.

Seandainya mereka telah pun mengetahui keputusan itu dari awal lagi, tentulah ujian tersebut tidak bererti apa-apa.

(31) TAWRAT DIKURNIAKAN KEPADA NABI MUSA (A.S)

Contoh yang ketiga adalah mengenai Nabi Musa (a.s) dan penurunan kitab Tawrat. Nabi Musa diperintahkan supaya pergi ke gunung Sinai, berpuasa di sana selama 30 hari sebagai persediaan untuk menerima Tawrat. Pada hari yang ke-30, baginda menggosokkan giginya dan pergi ke gunung Sinai. Di sana, baginda ditanya oleh Allah, kenapa menggosok giginya. Baginda menjelaskan bahawa disebabkan baginda menuju ke tempat yang suci, jadi adalah patut baginya membersihkan diri supaya lebih kelihatan kemas. Allah memberitahunya bahawa bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi dan ambar. Kemudian baginda diberitahu supaya kembali semula ke tempat tinggalnya dan berpuasa selama 10 hari lagi dan kemudian datang ke gunung Sinai tanpa menggosokkan giginya. Oleh itu, pada hari ke-40, barulah baginda dikurniakan loh (kepingan) Tawrat.

Allah telah mengetahui sebelumnya bahawa Musa pasti datang selepas menggosokkan giginya dan akan diminta berpuasa selama 10 hari lagi, tetapi Nabi Musa ataupun Bani Israil tidak pernah diberitahu tentang perkara tersebut, begitu juga Nabi Musa tidak pula diberitahu terdahulu dari itu yang baginda tidak perlu menggosokkan giginya pada hari ke-30.

Sewaktu Allah merujuk kepada ilmu-Nya, Dia (Allah) menggambarkan seluruh masa 40 hari itu sekaligus:

" Dan (ingatlah), ketika Kami berjanji kepada Musa (memberikan Tawrat, sesudah empat puluh (40) malam."14

Pada ketika Dia (Allah) merujuk kepada ilmu Nabi Musa, Dia (Allah) menyebutkan 30 hari dan 10 hari lagi secara berasingan:

" Dan telah Kami janjikan kepada Musa (memberikan Tawrat) sesudah berlalu waktu tiga puluh (30) malam, dan Kami sempurnakan jumlah malam itu dengan sepuluh (10) (malam lagi), maka sempurnalah waktu yang telah ditentukan oleh Tuhannya empat puluh (40) malam." (Al-Qur'an, al-A`raf (7): 142).

Alasan untuk tidak memberikan maklumat awal adalah jelas dari tindakan Bani Israil, yang disebabkan oleh kelewatan 10 hari itu, telah meninggalkan penyembahan kepada Allah yang Maha Esa kepada menyembah anak sapi. Cerita itu dikemukakan dengan begitu indah dalam ayat-ayat al-Qur'an berikut:

“ Allah berfirman: “ Maka sesungguhnya Kami telah menguji kaummu sesudah kamu tinggalkan dan mereka telah disesatkan oleh Samiri. Kemudian Musa kembali kepada kaumnya dengan marah dan bersedih hati. Berkata Musa: " Hai kaumku, bukankah Tuhanmu telah menjanjikan kepadamu suatu janji yang baik? Maka apakah terasa lama masa yang berlalu itu bagimu atau kamu menghendaki agar kemurkaan dari Tuhanmu menimpamu, dan kamu melanggar perjanjianmu dengan aku?" Mereka berkata: " Kami sekali-kali tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami sendiri, tetapi kami disuruh

14 Al-Qur’an, surah al-Baqarah (2):51.

membawa beban-beban dari perhiasan kaum itu, maka kami telah melemparkannya, dan demikian pula Samiri melemparkannya," Kemudian Samiri mengeluarkan untuk mereka (dari lubang itu) anak lembu yang bertubuh dan bersuara, maka mereka berkata: " Inilah Tuhanmu dan Tuhan Musa, tetapi Musa telah lupa."15

Cuba bayangkan seluruh kaum yang terdiri daripada beberapa ribu orang sahabat Nabi Ulu al-`Azm itu, sewaktu adanya pengganti dan wasinya Nabi Harun, telah meninggalkan jalan agama yang benar dan mulai menyembah berhala, hanya kerana Nabi Musa terlewat beberapa hari!

Ujian keimanan ini tentunya tidak boleh dilakukan sekiranya Allah telah pun memberitahu Nabi Musa bahawa baginda dikehendaki tinggal selama 40 hari atau sekiranya baginda diberitahu sebelumnya agar tidak menggosok giginya pada hari ke-30.

(32) BADA': PENAMPILAN

Ketiga-tiga contoh yang dipetik daripada al-Qur'an dianggap sudah memadai untuk menunjukkan Allah memaklumkan rencana-Nya kepada para malaikat, nabi atau imam hanya sampai ke peringkat yang mencukupi kepada manusia ataupun yang sepatutnya, untuk menjadikan ujian itu benar-benar bererti. Apabila masa tiba ketika malaikat, nabi atau imam yang berkenaan berfikir bahawa rencana kerja itu sudah sampai ke peringkat akhir, suatu perkembangan terbaru melanjutkan rencana itu ataupun membawanya ke pangakhiran yang tidak dijangkakan.Kisah ini dikenali

15 Al-Qur'an, Taha (20): 85-97.

sebagai bada' dalam bahasa Arab. Bada' bermaksud tampak, nyata.

Penampilan atau pernyataan ini tidaklah berkaitan dengan Allah yang mengetahui segala sesuatu dari awal lagi. Ia adalah merujuk kepada pengetahuan para makhluk-Nya yang hanya dapat mengetahui apa yang mereka tidak ketahui sebelumnya pada akhir rencana Allah itu.

Atas alasan inilah juga, pengetahuan para malaikat, nabi dan imam dikenali sebagai Lauh Mahw wa Ithbat (kepingan (lauh) mengandungi penghapusan dan penggantian), sedangkan pengetahuan Allah pula dikenali sebagai Lauh Mahfuz (kepingan (lauh) yang terpelihara) yang tidak mengalami perubahan dan penggantian.

(33) KEPENTINGAN BADA'

Terdapat banyak alasan bagi wahyu yang bersifat berat sebelah. Sebahagiannya bolehlah dinyatakan di sini. Dalam ketiga-tiga cerita dalam al-Qur'an yang disebutkan di atas, anda boleh mendapati dua faedah atau kepentingan bada:

1) Bada' membantu para hamba Allah membuang kepercayaan mereka yang salah dan kembali semula ke jalan yang benar seperti yang telah terjadi dalam peristiwa kaum Nabi Yunus (a.s).

2) Bada' menolong menguji seseorang atau sesuatu kaum, seperti yang terjadi kepada Nabi Ibrahim dan Ismail (a.s) dan kepada kaum Nabi Musa (a.s).

Terdapat beberapa kepentingan bada' yang lain:

3) Oleh kerana para malaikat tidak begitu pasti bahawa rencana peristiwa yang diberitahukan kepada mereka itu merupakan kata-kata akhir, mereka secara terus-menerus meminta petunjuk daripada Allah. Demikianlah, mereka tidak pernah terfikir diri mereka itu bebas daripada petunjuk dan perintah Allah.

4)Demikian juga para nabi dan imam tidaklah boleh sama sekali berfikir bahawa mereka mengetahui segala-galanya. Nabi Muhammad Mustafa (s.a.w) dinasihati supaya selalu berkata: (Katakanlah: Ya Tuhanku, tambahilah ilmuku.) Imam (a.s) berkata: " Jikalaulah tidak adanya satu ayat al-Qur'an, tentunya aku mampu memberitahu semua kejadian sehinggalah ke hari Qiyamat." (Imam maksudkan kepada ayat yang sama yang telah disebutkan dalam bab 28, yang menyebutkan:

" Allah menghapuskan apa sahaja yang Dia kehendaki dan memperkuatkan apa sahaja yang Dia kehendaki, dan pada sisi-Nya terdapat Umm al-Kitab."

Sewajarnyalah dinyatakan di sini bahawa terdapat banyak kali Allah memberitahu para malaikat, nabi dan imam tentang kejadian akan datang, juga memberitahu mereka bahawa hal tersebut adalah kata-kata terakhir. Sehubungan dengan ini, tidak akan ada sebarang pindaan kepada rencana dan tiada pembatalan ataupun penggantian.

5) Manusia tidak dapat mengetahui apa yang direncanakan untuk mereka pada masa akan datang. Dengan demikian, mereka hendaklah sentiasa meminta pertolongan dan rahmat Allah. Ia akan memberikan kebaikan kepada mereka dalam hidup ini dan juga di hari akhirat.

BAHAGIAN KEEMPAT

(34) SIFAT KEISTIMEWAAN ALLAH

Dalam kepercayaan Syi`ah dinyatakan bahawa terdapat beberapa aspek hidup kita yang berada di luar kehendak dan kekuasaan kita. Contohnya adalah mendapatkan rawatan dan pemulihan daripada sakit, dan seperti ditunjukkan bahawa mendapatkan rawatan perubatan adalah dalam kuasa dan kemampuan kita, sedangkan untuk kuasa menyembuh bukanlah dalam ruang perbuatan kita.

Dari lahir sampai ke mati, terdapat beratus-ratus keadaan seperti itu yang berada di luar kemampuan kita yang secara mutlak berada dalam kekuasaan Allah. Ada manusia dilahirkan dalam keluarga kaya dan berpelajaran, manakala seorang manusia yang lain pula dalam keluarga asli dengan kebudayaan primitif. Biasanya orang yang pertama itu mempunyai peluang kebendaan dan perkembangan intelektual yang lebih berbanding dengan yang seorang lagi.

Ada manusia sihat dan kuat, yang lain menderita sakit yang berat. Ada yang dilahirkan buta, manakala yang lain dapat melihat dengan normal. Biasanya, seseorang itu boleh melakukan lebih banyak kerja berbanding dengan seorang lagi.

Ada yang hidup sehingga 80 tahun, ada yang mati dalam usia muda. Orang yang pertama tadi mendapat masa yang cukup untuk memenuhi rancangannya, sedangkan yang kedua pula tidak diberikan masa biarpun hanya untuk seketika sahaja.

Perkara-perkara seperti ini dan banyak lagi aspek-aspek hidup yang lain adalah di luar kemampuan manusia.

Perkara tersebut sesungguhnya bergantung kepada " ketetapan Allah ", yang dikenali sebagai Qada' dan Qadar.

Kenapakah Allah menetapkan keadaan-keadaan hidup tertentu kepada seseorang manusia? Ia merupakan suatu teka-teki yang tidak dapat ditemui jawapannya. Banyak golongan manusia telah cuba mencari jawapan kepada teka-teki ini, tetapi kecewa. Tiada teori yang dapat menyelesaikan masalah-masalah yang terbabit walaupun sedikit.

Apabila semuanya dikata dan dibuat, satu-satunya jawapan itu adalah yang dikemukakan oleh ayat al-Qur'an berikut yang bermaksud:" Dia tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanyai."(Surah al-Anbiya' (21): 23.)

Mungkin atas alasan inilah, Amir al-Mu'minin `Ali bin Abi Talib (a.s) mengatakan Qadar Allah adalah ibarat lautan yang dalam, engkau tidak harus menyelaminya."

Tetapi kita boleh merasa yakin bahawa apa sahaja yang diputuskan adalah kerana beberapa sebab yang baik. Apakah asas atau dasar kepada pernyataan ini?

Marilah kita lihat kepada perkara-perkara tersebut yang kita fahami, seperti sistem alam semulajadi, penyelarasan kekuatan alam yang berbeza-beza, sistem biologi kita sendiri dan penyusunan-penyusunan yang telah dibuat terhadap dunia ini untuk menjadikan hidup kita lebih selesa. Semua perkara tersebut menyakinkan kita bahawa Penciptanya tidaklah melakukan sesuatu itu tanpa alasan yang munasabah. Selepas penampilan hikmah dan ilmu-Nya ini, seandainya kita berhadapan dengan beberapa aspek kehidupan yang kita tidak boleh memahaminya, adalah tidak sukar mengandaikan bahawa

perkara-perkara tersebut juga mesti mengandungi alasan-alasan yang baik.

Sebelum pergi lebih lanjut, adalah suatu idea yang baik untuk mengembalikan ingatan anda dengan meneliti semula bab-bab 3,4,5 dan 6 sekali lagi. Kemudian, anda akan tahu bahawa Allah tidak melakukan sesuatu tanpa tujuan, iaitu kita bukanlah berada dalam keadaan boleh mengetahui setiap alasan kepada sesuatu yang ada di dunia ini. Allah melakukan apa yang terbaik bagi manusia, iaitu seandainya kita diberitahu alasan kepada semua aspek kehidupan, tentulah kita akan mengakui bahawa itulah yang sepatutnya berlaku.

(35) UKURAN YANG DITETAPKAN (QADAR)

Allah (s.w.t) berfirman dalam al-Qur'an: " Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran." (Al-Qur'an, al-Qamar(54): 49).

Oleh itu, Tuhan menciptakan segala sesuatu adalah menurut ukuran dan rencana-Nya sendiri. Seperti yang saya jelaskan dalam bab-bab terdahulu, kita dibenarkan mempercayai bahawa terdapat alasan yang munasabah dalam setiap aspek kehidupan seseorang individu seperti yang direncanakan oleh Allah, biarpun individu itu boleh jadi tidak mampu memahaminya sendiri.

Lihatlah kepada jam tangan. Beberapa bahagiannya diperbuat daripada emas, yang lain daripada besi waja, manakala sebahagiannya pula daripada kaca dan permata. Terdapat kepingan bernombor, jarum penunjuk, gelung-gelung spring dan paksi seperti roda-roda bergerigi dan berbagai-bagai bentuk roda lagi yang kesemuanya berbeza-beza saiznya. Kepingan mengandungi nombor berwarna putih, angkanya berwarna hitam, jarum saat berwarna merah manakala satu lagi hitam. Nombor-nombor itu

berubah dari angka satu (1) sehingga ke angka dua belas (12). Ringkasnya, ia terdiri daripada berbagai-bagai jenis, warna dan kerangka yang berbeza-beza untuk membolehkan jam tangan berfungsi.

Bolehkah jam tangan berfungsi seandainya semua komponennya terdiri daripada bentuk, saiz dan corak yang sama? Bolehkah jarum minit dan jam mengeluh kenapa mereka diwarnakan hitam sedangkan yang satu lagi diwarnakan merah? Bolehkah nombor 1 mengeluh kenapa ia tidak diberikan nombor 12? Seandainya semua angka diletakkan pada kedudukan yang sama, bolehkah seseorang mengetahui kedudukan waktu pada jam tersebut?

Sekiranya sebuah jam biasa yang kecil tidak boleh berfungsi tanpa wujudnya perbezaan jenis-jenis bahagian, adakah hujah lain untuk mempercayai bahawa masyarakat manusia dapat berkekalan tanpa wujudnya kepelbagaian manusia dari segi warna kulit, rupa, kemampuan dan kebolehan?

Lihatlah kepada kritikan yang mengatakan: mereka menghendaki tidak perlu adanya sakit, kecacatan, jurang kewangan, manusia sepatutnya mendapat kekuatan, kepintaran dan kekayaan yang sama rata.

Sekarang, marilah kita lihat apa yang dapat dibayangkan, kenyataan itu bermaksud bahawa tiada seorang pun dapat bergantung kepada orang lain. Tiada seorang pun dapat melakukan kerja kerana memang telah dijangkakan bahawa setiap orang memperolehi wang sama seperti yang lain. Lalu, kenapakah perlunya seseorang bekerja ketika kesihatan, jangkahayat, kekayaan dan status sosialnya terjamin? Dunia ini tentulah tetap berada dalam keadaan asalnya ketika Nabi Adam datang ke dunia ini. Tiada perbaikan dan juga keburukan? Ia samalah seperti sudu untuk memberi makan kepada anak-anak kecil yang

tidak berbuat apa-apa untuk keperluan mereka sendiri, tetapi ini bukanlah tujuan kita diciptakan. Kita dicipta untuk tujuan yang lebih tinggi, bukannya untuk makan, minum dan membiak.

Seandainya perlu ada ujian, tentunya terdapat kesukaran dan kesukaran-kesukaran itu berbeza-beza di antara seorang dengan seorang yang lain. Ujian itu berlainan dari seorang manusia dengan yang lain dan kerana kepelbagaian ujian inilah, kita menemui berbagai-bagai masalah.

(36) PERSAMAAN DALAM UNDANG-UNDANG (HUKUM)

Persoalan: Seandainya apa yang anda katakan itu benar, justeru itu ia memberi erti bahawa tidak ada persamaan antara manusia dengan manusia. Dimanakah persamaan yang amat dibanggakan oleh Islam itu?

Jawapan: Dengan " persamaan ", kita bukanlah bermaksud bahawa semua manusia mendapat kesihatan dan kekuatan yang sama; bukan juga semuanya memiliki kebijaksaan yang sama; bukan semua lahir dengan penglihatan mata, pendengaran yang sama; bukan kita bermaksud manusia lelaki dan wanita mempunyai kekuatan fizikal dan fungsi biologi yang sama. Apa yang kita maksudkan dengan persamaan adalah persamaan di hadapan Tuhan. Kaya dan miskin, kuat dan lemah, semuanya sama pada pandangan agama; semuanya mesti menuruti peraturan yang sama dan juga ditentukan oleh peraturan-peraturan sivil, jenayah dan etika yang sama. Tidak ada tinggi atau rendah, tidak ada pilihan ataupun penyisihan pada pandangan undang-undang. Satu lagi maksudnya ialah sesiapa sahaja dalam Islam boleh mencapai kemuliaan dan kedudukan yang paling tinggi yang boleh tanpa sebarang keistimewaan dari segi asal,

warna kulit atau kaum. Kriteria penghormatan dalam Islam bukanlah kekayaan atau kekuatan, kelahiran atau warna kulit. Satu-satu kriteria itu ialah akhlak. Allah berfirman: " Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah di kalangan kamu ialah orang yang paling bertaqwa."

(37) DI MANAKAH KEADILAN?

Persoalan: Namun demikian, di manakah keadilan Allah, ketika Dia mengurniakan seseorang dengan sepasang mata yang normal dan membutakan kedua-dua mata seorang yang lain.

Jawapan: Anda telah pun diberitahu bahawa kita ke sini untuk diuji. Pemeriksanya ialah Allah. Sudah menjadi hak Allah memutuskan dengan cara mana seseorang itu hendak diuji. Keadilan itu pada hakikatnya adalah bahawa pemeriksa itu (Allah) tidak membebankan seseorang dengan sesuatu ujian di luar kemampuannya. Allah tidak mengurniakan sayap kepada kita untuk terbang, dan Dia tidak menyuruh kita terbang di udara seperti burung. Itulah yang dikatakan keadilan.

Seandainya Allah menyuruh kita terbang ke udara (tanpa memberi kita sayap) tentulah " tidak adil." Namun begitu, bolehkah kita mendakwa, oleh kerana Dia (Allah) tidak memberikan sayap kepada kita (sedangkan burung mempunyainya) lalu kita dipersalahkan oleh Allah? Tidak. Itu adalah satu-satunya hak keistimewaan Allah untuk menetapkan menerusi cara mana ujian ditempuhi oleh seseorang. Itulah keadilan dan rahmah-Nya hingga Dia (Allah) tidak menghendaki seseorang apa yang di luar kemampuan mereka. Seandainya Dia (Allah) menciptakan manusia tanpa tangan, Dia (Allah) pada masa yang sama telah melepaskannya daripada tanggungjawab jihad, wudu' dan tayammum. Kalaulah dia (manusia) dikehendaki berperang tanpa tangan, pastinya kita

mempunyai hak untuk mengkritik. Tetapi selama mana tanggungjawab seseorang individu berhubungan dengan kemampuannya, tidak ada seorang pun boleh mengatakan bahawa Allah telah melakukan kezaliman dan ketidakadilan.

Sekarang, bolehlah kita simpulkan topik perbincangan ini kepada beberapa baris ayat berikut:

1. Dunia ini tidak boleh berfungsi andainya semua manusia mempunyai kekuatan, kemampuan dan jangkahayat yang sama.

2. Tugas-tugas dunia ini memerlukan manusia yang mempunyai berbagai-bagai perwatakan, kekuatan dan kemampuan.

3. Semua manusia adalah sama di sisi agama dan undang-undangnya.

4. Tanggungjawab setiap orang adalah berhubungan dengan kemampuannya, dan itulah satu-satunya perkara yang dikehendaki oleh keadilan.

Imam Ja`far al-Sadiq (a.s) ketika ditanya tentang Qada' dan Qadar, beliau berkata: " Ketika Allah akan mengumpulkan para hamba-Nya pada Hari Qiyamat, Dia akan bertanya kepada mereka tentang perkara yang Dia amanahkan kepada mereka iaitu ketaatan kita kepada hukum syariat yang berada dalam kemampuan dan kekuatan kita; tetapi Dia tidak akan bertanya mereka mengenai perkara-perkara yang Dia telah tetapkan untuk kita iaitu keadaan-keadaan hidup yang berada di luar kekuasaan kita."

(38) TADBIR DAN TAQDIR

Dalam bab 8 dan 9 telah disebutkan bahawa walaupun kuasa dan peluang melakukan sesuatu kerja tertentu diberikan oleh Allah, tanggungjawab terakhir adalah milik kita kerana kita boleh memilih sama ada melakukannya ataupun tidak melakukannya dengan kehendak dan pilihan kita sendiri. Oleh itu, pada ketika peralatan-peralatan dalam perbuatan kita disediakan oleh Allah, tetapi pilihan terakhir adalah milik kita.

Memang menarik untuk diceritakan bahawa " sampai ke suatu peringkat tertentu " dalam hubungan dengan " ukuran yang ditetapkan (Qadar) "; lawannya adalah benar, iaitu pada ketika peringkat-peringkat awal disediakan oleh manusia, keputusan terakhir adalah berada dalam penentuan Allah. (Perhatikan baik-baik rangkaikata " sampai ke suatu peringkat tertentu ". Saya menggunakan rangkaikata ini kerana keputusan Allah tidak selalunya bergantung kepada perbuatan-perbuatan kita.)

Sebagai suatu contoh untuk anda, sekiranya kita hendak mendapatkan hasil tanaman, kita hendaklah menggemburkan tanah, menanam biji benih, mengairi tanah, mencabut rumput dan mengawasinya.

Biarpun begitu, selepas melakukan semua yang diperlukan, kita tidak boleh merasa yakin boleh mendapat hasil tanaman tersebut. Ribut, kebakaran atau kilat mungkin boleh memusnahkan hasil itu; para perompak yang bersenjata mungkin menyerang; kita mungkin dipaksa oleh keadaan supaya menjualkannya sebelum ia dituai dan begitulah seterusnya. Oleh itu, pada ketika peringkat-peringkat awal tersebut dipersiapkan oleh kita, tetapi keputusan akhir daripada percubaan itu adalah dalam kekuasaan Allah.

Dua perkara yang berada dalam kekuasaan Allah secara langsung yang berlaku setiap hari dan sering menarik perhatian pembaca ialah hidup dan mati, serta tatacara atau liku-liku kehidupan.

Dalam bab-bab berikut ini, penelitian akan dilakukan ke atas subjek tersebut.

(39) HIDUP DAN MATI

Allah berfirman:

" Dialah Yang menciptakan kamu dari tanah, sesudah itu ditentukannya ajal (kematianmu), dan ada lagi suatu ajal yang ditentukan (untuk berbangkit) yang ada pada sisi-Nya (yang Dia sendirilah mengetahuinya), kemudian kamu masih ragu-ragu (tentang berbangkit itu)." (Al-Qur'an, al-An`am (6): 2).

Dalam ayat yang lain, difirmankan:

" Dan sekali-kali tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak pula dikurangi umurnya, melainkan (sudah ditetapkan) dalam kitab (Lauh Mahfuz). Sesungguhnya yang demikian itu bagi Allah adalah mudah." (Al-Qur'an Fatir (35): 11).

Kedua-dua ayat di atas, khususnya yang terakhir, menunjukkan bahawa jangka hayat seseorang boleh ditambah dan dikurang dengan perintah Allah. Ayat yang pertama membicarakan tentang ajal dan ajal yang ditentukan yang menjadi hak Allah. Apakah yang dimaksudkan dengan semua perkara tersebut?

Idea tersebut boleh difahami dengan mudah jika ditinjau dari dua " Lauh " yang telah disebutkan tadi. (Lihat bab 28).

Allah memutuskan bahawa Zaid boleh hidup sehingga 100 tahun; tetapi sekiranya dia terbukti tidak taat kepada keluarganya, jangka hayatnya akan dikurangkan, sebagai contoh, kepada 30 tahun dan dia akan mati pada umurnya 70 tahun.

Ini adalah arahan yang diberikan kepada malaikat maut. Malaikat maut tidak mengetahui bagaimana tingkah laku Zaid terhadap keluarganya. Justeru itu, dia tidak dapat mengetahui sama ada Zaid dapat hidup sehingga 100 tahun atau akan mati pada usianya 70 tahun.

Sekarang, andaikata Zaid terbukti tidak taat kepada keluarganya. Pada akhir 70 tahun, malaikat maut mestilah meminta petunjuk daripada Allah mengenainya. Allah memberitahunya supaya menghapuskan 100 tahun dan menggantikannya dengan 70 tahun, dan Zaid pun mati.

Oleh itu, pengetahuan atau maklumat malaikat maut terus diperbaharui. Oleh sebab itulah, pengurangan atau pertambahan dalam jangka hayat seseorang manusia berlaku. Pengetahuannya itulah yang dikatakan sebagai " ajal " dalam ayat yang pertama.

Namun begitu, Allah mengetahui dari azali lagi bahawa Zaid akan mati pada usianya 70 tahun. Pengetahuan-Nya (Allah) tidak mengalami sebarang perubahan. Usia sebenar yang pasti dicapai oleh seseorang manusia diketahui oleh Allah sahaja; dan usia itulah yang diistilahkan sebagai " ajal yang ditentukan " dalam ayat yang pertama.

Persoalan: Kenapakah Allah tidak menetapkan usia tertentu kepada manusia?

Jawapan: Sejauh yang berkaitan dengan manusia, Allah telah menentukan setiap sesuatu dengan hanya satu tujuan; untuk menolongnya mendapat kebaikan dan menjadi hamba Allah yang taat setia. Disebabkan alasan inilah, dia telah memberitahu jangka hayatnya adalah bergantung kepada perbuatan-perbuatannya. Apabila seseorang manusia mengetahui bahawa dengan sikap murah hati kepada kaum kerabat, dia akan dapat hidup lebih lama di dunia ini balasan kebaikan yang cepat ini adalah berbeza daripada balasan kebaikan di Akhirat) biasanya, dia akan cuba berbuat baik kepada kaum kerabatnya. Justeru itu, dia akan menjadi seorang hamba Allah yang salih.

(40) REZEKI

Walaupun usaha mencari nafkah hidup adalah dalam bidang perbuatan-perbuatan manusia, keputusan akhir bukannya dalam kuasa kita. Kita lihat banyak orang berusaha bersungguh-sungguh dari sejak matahari terbit hingga matahari terbenam untuk mencari nafkah hidup tetapi mereka masih tetap hidup miskin dan meminta-minta.

Kenapa ini berlaku? Allah berfirman:

" Allah meluaskan rezeki dan menyempitkannya bagi sesiapa yang Dia kehendaki." (Al-Qur'an, al-Ra`d (13): 26).

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab yang lepas tentang kehidupan, rezeki juga terbahagi kepada dua bahagian: Sebagai contoh: Allah memberitahu para malaikat, sekiranya Zaid berusaha bersungguh-sungguh, dia akan diberikan 10 ribu ringgit. Namun begitu, sekiranya dia tidak berusaha kuat, dia hanya akan mendapat 5 ribu ringgit sahaja.

Allah mengetahui sama ada Zaid akan berusaha ataupun tidak. Dia (Allah) mengetahui sama ada akhirnya dia (Zaid) akan diberikan 10 ribu ataupun 5 ribu. Walaupun begitu, Zaid sendiri tidak mengetahui, manakala para malaikat yang bertanggungjawab terhadap rezekinya tidak mengetahui keputusan akhir. Tujuan sebenar perkara tersebut dirahsiakan adalah supaya dengan rahsia itu, manusia akan sentiasa cuba berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menambahkan dan mempertingkatkan kehidupan; juga agar dia akan terus berusaha dengan penuh harapan kerana dia tidak mengetahui sama ada dia telah mencapai peringkat terakhir dalam rezekinya ataupun tidak. Dia tidak mengetahui di mana kehidupannya yang lebih baik berada. Lantaran itu, dia akan sentiasa berhati-hati mencuba pelbagai kemungkinan yang akan mendatang. Dia akan tetap aktif dan bercita-cita tinggi dan terus mencari kehidupan yang lebih baik.

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan tulisan para ulamak, saya mendapat kesimpulan bahawa Allah telah menetapkan had yang maksimum kepada kehidupan setiap manusia. Walau dicuba sekalipun, dia tidak boleh pergi lebih jauh daripada had maksimum tadi. Oleh kerana had maksimum itu dirahsiakan dari pandangan kita dan sebagai suatu hakikat, bahkan juga daripada pandangan para malaikat, kita tidak boleh atau sekurang-kurangnya tidak sepatutnya berdiam diri semata-mata tanpa berusaha untuk memperbaiki keadaan kita.

Juga, kita diberikan pilihan sama ada kita ingin sampai kepada matlamat itu dengan cara yang halal atau ingin sampai ke sana dengan cara-cara yang haram. Sekiranya kita mematuhi perintah Allah dan ketetapan-ketetapan agama, kita akan sampai kepada had yang dikehendaki, dan pada masa yang sama, kita akan mendapat rahmat Allah di hari Akhirat nanti. Sekiranya

kita pilih jalan yang salah (haram), kita akan mendapat rezeki tersebut; tetapi dengan memilih jalan yang salah, kita akan terpaksa bersedia menerima hukuman Allah di hari Akhirat. Wajib diingat bahawa dalam Islam, malahan dalam perkara-perkara yang halal sekalipun akan menjadi haram sekiranya ia diperolehi dengan jalan haram atau salah. Matlamat tidak boleh menghalalkan cara di dalam Islam. Tidak dinafikan bahawa kadang-kala cara yang halal kelihatan terlalu lambat dan orang-orang yang ingin menjadi kaya dengan cepat menggunakan cara-cara yang haram. Namun begitu, tindakan-tindakan seperti itu tidak banyak menguntungkan. Kisah berikut akan dapat membuktikan hujah saya dengan lebih jelas:

Imam `Ali (a.s) pergi ke masjid untuk bersembahyang. Baginda meminta seseorang yang berdiri di situ supaya menjaga kudanya. Ketika baginda keluar, baginda mempunyai dua dirham di tangannya yang ingin diberikan kepada orang tersebut sebagai balasan. Tetapi dia tidak kelihatan. Imam `Ali (a.s) pergi mendapatkan kuda itu dan mendapati tali kekangnya telah hilang. Baginda memberikan dua dirham itu kepada orang lain untuk membelikan tali kekang yang lain. Lantas, orang tersebut pun pergi ke pasar. Dia melihat seorang lelaki menjual tali kekang itu lalu membelinya dengan harga dua dirham. Imam `Ali (a.s) memperhatikan kepadanya dan mendapati bahawa tali kekang itu sebenarnya adalah miliknya yang dicuri oleh penjaga tadi. Imam `Ali (a.s) ingin memberikan dua dirham kepada penjaga itu sebagai balasan yang sudah tentunya halal baginya. Bagaimanapun, sifat tidak sabarnya itu telah mengubahkannya menjadi pencuri dan dia tidak mendapat sesuatu apa pun kecuali dua dirham yang sama. Kebimbangannya tidak menambahkan upahnya sama sekali, sebaliknya telah menjadikannya penjenayah sebagai suatu imbuhan.

(41) DU‘A’

Sekarang anda tahu bahawa pengetahuan yang diberikan kepada para malaikat kerap-kali mengikut keadaan. Sekiranya Zaid melakukan kerja tersebut, dia akan mendapat keuntungan. Sekiranya dia memilih yang lain, dia akan hilang semuanya. Seandainya dia menemui doktor ini, dia akan cepat sembuh dari sakit. Seandainya ada doktor yang lain, penyakitnya akan bertambah. Salah satu keadaan dari keuntungan, kejayaan dan kebahagiaan yang terpenting ialah du`a'. Seandainya dia memohon kepada Allah dan meminta pertolongan-Nya, penderitaannya akan diringankan. Seandainya dia tidak meminta pertolongan Allah, dia akan dibiarkan menderita. Oleh yang demikian, Allah berfirman dalam al-Qur'an:

" Katakanlah (kepada orang-orang musyrikin): " Tuhanku tidak mengindahkan kamu, melainkan kalau ada ibadatmu." (Al-Qur'an, al-Furqan (25): 77).

Sesetengah orang telah tersalahanggap bahawa oleh kerana Allah mengetahui apa yang baik bagi kita, tidak perlu lagi meminta pertolongan atau bantuan-Nya; tidak perlu lagi kepada doa.

Mereka mengatakan bahawa Allah mengetahui apa yang terbaik bagi Zaid dan Dia (Allah) telah pun memutuskan berapa banyak yang boleh dia perolehi (atau, sebagai contohnya, sama ada Zaid akan disembuhkan dari penyakitnya ataupun tidak). Justeru itu, apakah perlunya doa? Apakah matlamat yang boleh dilakukan oleh doa?

Orang-orang seperti itu tidak menghargai bahawa boleh jadi, Allah telah menjadikan perolehan atau kesihatan Zaid bergantung kepada doanya. Boleh jadi Allah telah memerintahkan para malaikat supaya menambahkan perolehannya sekiranya dia berdoa kepada Allah agar meningkatkan pendapatannya! Boleh jadi keadaan yang

dikehendaki bagi memulihkan diri dari penyakit adalah berupa suatu bentuk rawatan tertentu disertai dengan doa dan permohonan kepada Allah. Dalam banyak hadith telah disebutkan bahawa salah satu perkara yang boleh memberi kesan dalam kehidupan manusia ialah doa. Satu lagi perkara yang penting ialah usaha dan perancangannya. Kita tidak patut meminimumkan kesan dan kepentingan doa, atau kesan dan kepentingan usaha yang bersungguh-sungguh.

Memang benar, seandainya seseorang telah pun mencapai usia atau perolehan yang maksimum, atau sekiranya sebagai contoh, penyakitnya itu " memang telah ditetapkan " akan berkekalan, banyak mana doa, usaha atau rawatan sekalipun tidak akan dapat memberikan kebaikan.

Namun begitu, perkara yang penting diingati ialah tiada seorang jua pun yang mengetahui apa yang " memang ditetapkan " berhubung dengan usia, kehidupan dan kesihatan. Oleh yang demikian, kita mestilah tetap bersungguh-sungguh melakukan apa sahaja yang mungkin bagi memperbaiki keadaan-keadaan kita.

(42) TAWAKKAL

" Tawakkal " bererti penyerahan diri. Allah berfirman:

" Bertawakkallah kepada Allah, cukuplah Allah menjadi pelindung " (Al-Qur'an, al-Nisa' (4): 81).

Penyerahan diri kepada Allah adalah amalan yang sangat dituntut dan dipuji, tetapi ia bukanlah suatu alasan untuk bermalas-malas. Nabi (s.a.w.a) bersabda: " Tawakkal bermaksud bahawa kamu hendaklah menambat unta dengan tali dan kemudian kamu berserah diri kepada Allah agar Dia (Allah) akan menjaga unta kamu. Kamu tidak

boleh bergantung semata-mata kepada talinya sahaja, kerana banyak kejadian unta dicuri dengan talinya sekali. Demikianlah juga, kamu tidak harus mengabaikan tali, kerana menambat dengan tali itu adalah sebahagian daripada Tawakkal."

Inilah intisari Tawakkal. Kita hendaklah mencuba bersungguh-sungguh dan kemudian kita menyerahkan diri kepada Allah agar Dia (Allah) akan menjayakan kerja kita. Adalah suatu hal yang tidak masuk akal sama sekali untuk berdiam diri dan berkata bahawa Allah akan melakukan semua kerja untuk kita. Dia (Allah) berfirman dalam al-Qur'an:

" Dan manusia tidak akan mendapat sesuatu apa pun melainkan apa yang diusahakannya." (Al-Qur'an)

Tahap tertinggi dalam *Tawakkal* telah dilengkapkan ketika Amir al-Mu`minin `Ali bin Abi Talib (a.s) menanyakan beberapa orang yang bersikap malas tentang diri mereka. " Kami ialah orang-orang yang menyerah diri (bertawakkal) kepada Allah," menjadi jawapan mereka. Imam `Ali (a.s) bertanya: " Bagaimanakah anda berserah diri (bertawakkal) kepada Allah? " Mereka menjawab:" Kami makan apabila kami mendapat makanan, dan kami bersabar ketika kami tidak mendapatnya." Imam `Ali (a.s) membalas: " Ya, demikianlah sifat seekor anjing." Dalam keadaan termangu-mangu, mereka memintanya menjelaskan maksud sebenar Tawakkal.

Imam `Ali (a.s) berkata: " Ketika kita dapat, kita sedekahkan kepada orang lain, ketika kita tidak mendapatnya, kita bersyukur kepada Allah." Ia bermaksud bahawa kita hendaklah mencuba seberapa daya yang mampu untuk memperbaiki keadaan kita, tetapi kita tidak boleh berharap kepada kekuatan dan kebijaksanaan kita

semata-mata. Kamu hendaklah menyerah diri kepada Allah supaya Dia (Allah) akan menjadikan kerja kamu berhasil. Justeru itu, seandainya kamu berjaya, cubalah bantu saudaramu dengan hasil usahamu itu, dan seandainya kamu gagal, bersyukurlah kepada Allah.

Kamu tentu bertanya kenapa kamu harus mengucapkan syukur kepada Allah walaupun ketika kamu tidak berjaya. Ya, kamu hendaklah bersyukur kepada Allah kerana kejayaan ataupun kegagalan bukanlah tanggungjawab kamu. Kamu hanya dikehendaki berusaha bersungguh-sungguh dan kamu telah pun melakukannya. Bersyukurlah kepada Allah kerana kamu boleh melakukan apa yang dituntut darimu. Usahamu itulah yang menjadi perkara pokoknya. Kejayaan atau kegagalan bukanlah dalam bidang kuasamu. Ia adalah dalam bidang kuasa Allah. Yakin dan berserah dirilah kepada Allah supaya Dia (Allah) tidak akan menjadikan usahamu sia-sia. Namun begitu, seandainya Dia (Allah) dengan Maha Kebijaksanaannya, tidak memberikan kejayaan kepadamu, bersyukurlah kepada-Nya kerana kamu masih boleh melakukan tugasmu.

(43) PENGETAHUAN (*ʿILM*) ALLAH DAN PERBUATAN MANUSIA

Perhatian: Persoalan ini berhubung dengan bab 11.

Persoalan: Allah mengetahui segala sesuatu. Dia (Allah) mengetahui dari azali lagi, sebagai contoh, Bakar akan menjadi kafir. Sekarang, sekiranya Bakar yang disebutkan itu menerima Islam, tentulah ia menunjukkan ilmu (pengetahuan) Allah adalah salah (yang sudah tentunya mustahil sama sekali). Oleh yang demikian, Bakar yang disebutkan di atas tetap kekal sebagai orang kafir.

Bukankah ia bererti bahawa Bakar yang disebutkan itu terpaksa kekal sebagai orang kafir kerana ilmu Allah yang azali itu?

Jawapan: Satu perkara yang perlu diketahui adalah mengenai apa yang akan berlaku, dan satu lagi adalah perkara yang menyebabkan ia berlaku. Cuba andaikan ada seorang doktor, selepas memeriksa seorang pesakit mengisytiharkan bahawa pesakit tersebut tidak dapat hidup lebih dari setengah jam. Bolehkah dikatakan bahawa doktor itu menyebabkan kematian pesakit tersebut kerana dia mengetahui bahawa pesakit akan mati tidak lama lagi? Bolehkah dakwaan dibuat terhadapnya bahawa dia telah membunuh pesakit itu? Tentu tidak. Di samping itu, kejadian ini diceritakan untuk menunjukkan pengalaman seorang doktor, kerana dia telah dapat meramalkan apa yang akan terjadi kepada pesakit selepas setengah jam.

Marilah kita lihat kepada contoh ini sekali lagi. Doktor itu mengetahui pesakit tersebut akan mati, kerana dia berada dalam keadaan tertentu yang menyebabkannya tidak dapat bertahan lama lebih dari setengah jam. Oleh itu, pengetahuan itu adalah berdasarkan kepada keadaan pesakit tersebut, bukannya pesakit itu mati akibat daripada pengetahuan doktor tadi. Pengetahuan itu adalah hasil daripada keadaan pesakit tersebut; bukannya keadaan pesakit itu sebagai hasil atau akibat daripada pengetahuan doktor.

Perbezaan yang mudah ini telah dilupakan oleh sebilangan besar umat Islam yang berfikir bahawa kerana Allah mengetahui segala sesuatu akan bakal berlaku, justeru itu ia mestilah terjadi seperti itu. Mereka gagal memahami bahawa Allah mengetahui Umar akan mati kafir, kerana Umar akan menemui ajalnya dalam keadaan kufur atas pilihannya sendiri; pengetahuan Allah adalah

berdasarkan kepada kehendak Umar itu sendiri, bukannya Umar mati kafir disebabkan oleh pengetahuan Allah.

Memang benar, terdapat perbezaan antara pengetahuan seorang doktor dengan pengetahuan Allah. Pengetahuan doktor tidak sempurna dan tidak lengkap. Oleh yang demikian, ramalannya itu boleh jadi tidak benar pada masa-masa tertentu. Bagaimanapun, pengetahuan Allah adalah sempurna dan lengkap dalam semua aspek untuk selama-lamanya. Oleh sebab itu, pengetahuan-Nya (Allah) tidak boleh salah pada sebarang masa. Namun, ia bukanlah bermaksud bahawa pengetahuan Allahlah yang telah menyebabkan perbuatan dosa, syirik, kufur, iman atau kebaikan para makhluk-Nya.

SOALAN-SOALAN

Jawab mana-mana lima soalan ini:-

1. Apakah yang anda faham mengenai kenyataan-kenyataan berikut: " Tidak ada paksaan (oleh Allah), tidak ada penyerahan kuasa secara mutlak (daripada Allah kepada manusia), tetapi kedudukan yang sebenar adalah di tengah antara kedua-duanya."

2. Apakah maksud *Tawfiq* dan *Khidhlan*? Adakah kedua-duanya bermaksud bahawa Allah memaksa manusia melakukan ataupun tidak melakukan kerja tertentu?

3. Kenapakah seseorang manusia diuji padahal Allah mengetahui segala sesuatu tanpa memerlukan kepada ujian?

4. Apakah yang anda faham dengan *Lauh Mahfuz* dan *Lauh Mahwa Ithbat*? Jelaskan sepenuhnya.

5. Apakah pengertian *Bada'*? Berikan satu contoh dari al-Qur'an.

6. Apakah hubungan antara *Tadbir* (usaha manusia) dan *Taqdir* (ketetapan Allah). Jelaskan sepenuhnya.

7. Kenapakah perlunya *du`a'*, padahal Allah telah pun mengetahui apa yang baik untuk manusia?